KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

INTISARI
PENDAPATAN PERBELANJAAN KEMISKINAN KETIDAKSAMARATAAN

HIGHLIGHTS
INCOME EXPENDITURE POVERTY INEQUALITY

2022

Pemakluman:

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal https://open.dosm.gov.my.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *"Connecting the World with Data We Can Trust".*

Announcement:

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through https://open.dosm.gov.my portal.

Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by*:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Department of Statistics, Malaysia
Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : https://www.dosm.gov.my
Facebook / Twitter / Instagram / YouTube : StatsMalaysia
Emel / *Email* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / general enquiries)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*)

Harga / *Price* : RM50.00

Diterbitkan pada Julai 2023 / *Published on July 2023*

ISBN 978-967-253-700-7

PRAKATA

Intisari Pendapatan, Perbelanjaan, Kemiskinan dan Ketidaksamarataan, 2022 diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang memperihalkan dapatan daripada Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah tahun 2022. Statistik Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second Edition, 2011* yang diterbitkan oleh *United Nations*.

Statistik daripada survei ini merupakan maklumat penting yang digunakan oleh agensi kerajaan sebagai input dalam perancangan, pembentukan dan pemantauan pelan pembangunan negara. Statistik ini juga merupakan sumber rujukan bagi ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu bagi tujuan penyelidikan dan penganalisisan yang lebih terperinci.

Laporan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang dapatan survei terkini yang dikeluarkan mengikut segmen berikut: Pendapatan, Perbelanjaan, Kemiskinan dan Ketidaksamarataan. Sementara itu, Indikator sosioekonomi di Malaysia serta prestasi dan *outcome* terpilih turut disediakan sebagai maklumat tambahan.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan daripada semua pihak untuk tujuan penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia
Julai 2023

PREFACE

The Highlights of Income, Expenditure, Poverty and Inequality, 2022 is published by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) which summarises the findings of the Household Income and Expenditure Survey 2022. The Household Income and Expenditure Statistics published in this report are based on concepts and guidelines from the Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second Edition, 2011 published by the United Nations.

Statistics from this report provide pertinent information used by government agencies as input in the planning, formation and monitoring of national development plans. These statistics also serve as reference source for economists, academicians, private sectors and individuals for more detailed research and analysis purposes.

This report provides a comprehensive overview of the latest survey findings presented by the following segments: Income, Expenditure, Poverty and Inequality. Meanwhile, Socioeconomic indicators in Malaysia and selected outcome and performance are also provided as additional information.

DOSM gratefully acknowledges the cooperation rendered by all parties who have contributed directly and indirectly in realising this publication. Every feedback and suggestions from all parties towards improving this report in the future are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician, Malaysia
July 2023

KANDUNGAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

SENARAI CARTA

SENARAI CARTA

CARTA

SENARAI JADUAL

JADUAL

SENARAI JADUAL

SENARAI PAPARAN

PAPARAN

BAHAGIAN 1

STATISTIK PENDAPATAN ISI RUMAH

2022

INTISARI

A. PENGENALAN

Pandemik COVID-19 telah menjejaskan pendapatan isi rumah dengan ketara bagi kawasan bandar mahupun luar bandar. Berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020, purata pendapatan isi rumah kasar bulanan mencatatkan penurunan 10.3 peratus kepada RM7,089 (2019: RM7,901) manakala pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah mencatatkan penurunan 11.3 peratus kepada RM5,209 (2019: RM5,873). Pekerjaan bergaji dan bekerja sendiri yang merupakan punca utama pendapatan isi rumah masing-masing turut mencatatkan penurunan. Pada tahun 2020, purata pekerjaan bergaji menyusut sebanyak 16.1 peratus kepada RM4,088 (2019: RM4,870) manakala purata pendapatan daripada bekerja sendiri mencatatkan penurunan 9.7 peratus kepada RM1,232 (2019: RM1,364). Penurunan ini disumbangkan oleh isi rumah atau individu yang telah mengalami kehilangan pekerjaan atau pengurangan pendapatan disebabkan oleh pengurangan jam bekerja dan peningkatan guna tenaga tidak penuh berkaitan dengan kemahiran.

Semua aktiviti ekonomi dan sosial mula dijalankan seperti biasa bermula tahun 2022. Pelbagai sokongan dasar disediakan bagi memulakan semula aktiviti sosioekonomi di semua peringkat, termasuk isi rumah. Antaranya, kerajaan telah meluluskan perintah gaji minimum baharu yang telah berkuatkuasa pada 1 Mei 2022 dengan kadar gaji minimum RM1,500 sebulan bagi semua sektor. Namun, majikan yang menggaji kurang daripada lima (5) pekerja diberi kelonggaran untuk melaksanakan perintah ini bermula 1 Julai 2023.

Kesan kenaikan gaji minimum dijangka dapat menyumbang kepada peningkatan purata pendapatan pekerjaan bergaji di kalangan pekerja dan meningkatkan kuasa beli pengguna. Ianya juga selaras dengan matlamat mencapai sasaran gaji dan upah penengah bulanan sebanyak RM2,900 menjelang 2025 seperti mana digariskan di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

B. LATAR BELAKANG SURVEI

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaksanakan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS & BA) pada tahun 2022 untuk melihat kedudukan terkini taburan pendapatan isi rumah, kemiskinan dan jurang pendapatan terutamanya selepas pandemik. Survei ini dijalankan menggunakan kaedah pensampelan berkebarangkalian melalui pendekatan isi rumah yang mewakili 7.9 juta isi rumah warganegara Malaysia pada tahun 2022. Sampel yang dipilih adalah berdasarkan kepada senarai isi rumah yang diperoleh daripada Banci Penduduk dan Perumahan yang dilaksanakan pada tahun 2020. Survei ini dilaksanakan melalui kaedah temu ramah bersemuka dan merupakan survei kali ke-20 setelah kali pertama dijalankan pada tahun 1974.

Laporan ini menghuraikan taburan pendapatan isi rumah warganegara Malaysia bagi tahun 2022. Selain itu, penggunaan dapatan survei turut diperluas untuk kegunaan pelbagai dimensi kajian sosioekonomi yang lebih terperinci. Pelaksanaan survei ini adalah selaras dengan cadangan dan amalan di peringkat antarabangsa serta mengguna pakai saranan daripada *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second Edition*, yang diterbitkan oleh *United Nations* pada 2011.

C. PENEMUAN SURVEI

1. CIRI-CIRI DEMOGRAFI DAN PERBANDARAN

1.1. SAIZ ISI RUMAH DAN BILANGAN

Bilangan isi rumah pada tahun 2022 adalah 8.4 juta yang mana 7.9 juta merupakan isi rumah warganegara Malaysia. Isi rumah merujuk kepada seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain. Sebanyak 97.9 peratus isi rumah di Malaysia adalah bersaudara dan 2.1 peratus bukan bersaudara.

Setiap isi rumah mempunyai saiz isi rumah tersendiri yang merujuk kepada isi rumah tersebut. Secara purata, saiz isi rumah di Malaysia adalah 3.8 orang berbanding 3.9 orang pada tahun 2019 **(Carta 1)**. Purata saiz isi rumah bagi kawasan bandar adalah 3.7 orang (2019: 3.8 orang) berbanding 4.0 orang bagi isi rumah yang tinggal di luar bandar (2019: 4.1 orang).

Carta 1: Bilangan dan Purata Saiz Isi Rumah, Malaysia, 1995 - 2022



Dari segi peratusan, isi rumah yang tinggal berseorangan meliputi 8.0 peratus daripada keseluruhan isi rumah, berbanding 7.7 peratus pada tahun 2019. Isi rumah dengan dua orang ahli pula merangkumi 19.2 peratus. Sementara itu, isi rumah dengan tiga dan empat orang ahli masing-masing merangkumi 20.3 peratus dan 20.9 peratus, manakala isi rumah yang mempunyai lima orang ahli dan lebih meliputi 31.6 peratus.

Sebanyak 44.6 peratus isi rumah hanya mempunyai seorang penerima pendapatan iaitu 16.5 peratus daripadanya merupakan isi rumah dengan empat orang ahli dan lebih. Sementara itu, sebanyak 39.7 peratus isi rumah mempunyai dua orang penerima pendapatan dan selebihnya mempunyai tiga orang penerima pendapatan (10.9%), empat orang penerima pendapatan dan lebih (4.8%) **(Jadual 1)**.

Jadual 1: Peratusan Isi Rumah mengikut Saiz Isi Rumah dan Bilangan Penerima Pendapatan, Malaysia, 2019 dan 2022

Saiz Isi Rumah (orang)	Bilangan Penerima Pendapatan (orang)											
	2019						2022					
	1	2	3	4	5 dan lebih	Jumlah	1	2	3	4	5 dan lebih	Jumlah
1	7.7					7.7	8.0					8.0
2	11.5	7.0				18.5	11.4	7.8				19.2
3	8.9	8.4	2.0			19.3	8.7	9.1	2.5			20.3
4	8.0	9.4	2.6	0.9		20.9	7.5	9.7	2.7	1.0		20.9
5 dan lebih	10.2	13.6	5.9	2.8	1.1	33.6	9.0	13.1	5.7	2.9	0.9	31.6
Jumlah	46.3	38.4	10.5	3.7	1.1	100.0	44.6	39.7	10.9	3.9	0.9	100.0

Nota: Jumlah mungkin berbeza kerana pembundaran

1.2. KADAR URBANISASI

Urbanisasi bermaksud proses perubahan sesuatu kawasan daripada luar bandar kepada bandar. Pembandaran juga berlaku sekiranya penempatan bandar berkembang menjadi lebih besar dan kompleks. Urbanisasi sesebuah bandar memerlukan panduan yang komprehensif dan seragam agar dapat terus berkembang. Malaysia adalah antara negara-negara di Asia Tenggara yang mempunyai lebih banyak bilangan bandar, dan bilangan penduduk di bandar semakin meningkat dengan pesat. Rancangan Fizikal Negara ke-4 mensasarkan kadar urbanisasi negara mencapai 85.0 peratus pada tahun 2040. Kadar urbanisasi di Malaysia dianggarkan sebanyak 75.5 peratus pada tahun 2022 berbanding 70.9 peratus pada tahun 2010 **(Carta 2)**.

Carta 2: Kadar Urbanisasi di Malaysia, 2010 - 2022



Nota: Kadar urbanisasi merujuk kepada bilangan penduduk yang berada di kawasan bandar

P Permulaan

Sumber: Data tahun 2010 adalah merujuk kepada anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan 2010; data tahun 2020 merujuk kepada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020; data tahun 2022^{P} merujuk kepada anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan 2020

Merujuk kepada Survei Pendapatan Isi Rumah 2022, sebanyak 77.8 peratus isi rumah di Malaysia tinggal di kawasan bandar. Di peringkat negeri, Wilayah Persekutuan (W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya), Selangor, Pulau Pinang, Melaka dan Johor mencatatkan peratusan isi rumah melebihi paras nasional di antara 79.1 hingga 100.0 peratus. Sementara itu, kurang daripada 60.0 peratus isi rumah yang mendiami kawasan bandar bagi negeri Sarawak, Pahang, Perlis dan Kelantan **(Carta 3)**.

Carta 3: Peratusan Isi Rumah di Kawasan Bandar mengikut Negeri, 2022



Nota: Kadar perbandaran merujuk kepada bilangan isi rumah yang tinggal di kawasan bandar

2. PENDAPATAN ISI RUMAH

Pendapatan isi rumah merujuk kepada jumlah pendapatan yang diterima oleh ahli isi rumah, sama ada dalam bentuk tunai atau mata benda yang diperoleh secara berulang kali dan terakru sama ada secara mingguan, bulanan atau tahunan dan boleh digunakan bagi memenuhi keperluan hidup semasa. Pendapatan isi rumah dinilai berdasarkan nilai penengah dan purata. Pendapatan penengah ialah nilai pertengahan apabila isi rumah disusun secara menaik mengikut nilai terendah hingga nilai tertinggi. Konsep penengah penting bagi menjelaskan perubahan pendapatan isi rumah yang taburannya bersifat tidak normal. Sementara itu, pendapatan purata pula diperoleh dengan menjumlahkan semua pendapatan isi rumah dan dibahagikan dengan bilangan isi rumah.

2.1 PUNCA PENDAPATAN

Terdapat empat punca utama pendapatan bagi setiap pendapatan yang diterima oleh sesebuah isi rumah iaitu pendapatan yang diperoleh daripada pekerjaan bergaji, bekerja sendiri, pendapatan daripada harta & pelaburan yang dimiliki dan pendapatan yang diterima melalui pindahan semasa.

Pendapatan yang diperoleh daripada pekerjaan bergaji adalah meliputi semua pembayaran hasil penglibatan di dalam pekerjaan sama ada berbentuk wang tunai atau mata benda yang diterima oleh individu di dalam sesebuah isi rumah. Antara komponen pendapatan daripada pekerjaan bergaji ialah gaji yang diterima, elaun, bonus, makanan dan tempat tinggal yang diberikan secara percuma oleh majikan.

Pendapatan daripada bekerja sendiri pula adalah pendapatan yang diperoleh di kalangan mereka yang merupakan majikan yang mempunyai pekerja atau mereka yang bekerja sendiri sama ada secara berdaftar atau tidak berdaftar. Keuntungan daripada pelaburan modal rakan kongsi yang tidak bekerja di perusahaan ini adalah tidak termasuk sebagai bekerja sendiri.

Pendapatan daripada harta & pelaburan ialah pendapatan yang diperoleh daripada pemilikan aset yang disediakan untuk kegunaan orang lain. Pendapatan daripada sewaan rumah, bangunan komersial atau sewaan tanah merupakan antara contoh pendapatan daripada harta manakala pendapatan daripada pelaburan adalah termasuk faedah dan dividen daripada simpanan.

Pendapatan daripada pindahan semasa diterima terdiri daripada wang tunai, barangan atau perkhidmatan dan boleh diterima daripada isi rumah lain, kerajaan atau badan-badan kebajikan sama ada dari dalam atau luar negara. Kiriman wang daripada isi rumah lain, pencen, nafkah dan bantuan yang diterima secara berkala adalah antara contoh pendapatan daripada pindahan semasa diterima.

Namun begitu, penerimaan secara sekali gus (lump sum) seperti bayaran persaraan, pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan lain-lain penerimaan hasil daripada kerja yang dilakukan sebelum bersara tidak dianggap sebagai pendapatan kecuali isi rumah terbabit tidak mempunyai punca pendapatan lain. Dalam kes-kes sebegini, pendapatan yang diambil kira adalah amaun yang sama dengan jumlah perbelanjaan yang dibuat oleh isi rumah tersebut bagi tempoh dirujuk.

Dapatan survei menunjukkan sebanyak 62.8 peratus pendapatan isi rumah diperoleh daripada pekerjaan bergaji. Pendapatan daripada bekerja sendiri pula menyumbang 15.2 peratus diikuti oleh pendapatan daripada harta & pelaburan (12.3%) dan pendapatan melalui pindahan semasa diterima (9.7%) **(Paparan 1)**.

Paparan 1: Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata mengikut Punca Pendapatan, Malaysia, 2019 dan 2022

Bilangan Isi Rumah
7.9 Juta
7.3 juta

Jumlah Pendapatan Isi Rumah
RM67.1 billion
RM57.5 bilion

Purata Pendapatan Isi
RM8,479
RM7,901

Pekerjaan Bergaji	Bekerja Sendiri	Harta & Pelaburan	Pindahan Semasa Diterima
RM5,327	**RM1,288**	**RM1,039**	**RM826**
RM4,870	RM1,364	RM1,023	RM644
62.8%	**15.2%**	**12.3%**	**9.7%**
61.6%	17.3%	12.9%	8.2%

■ **2022**
■ **2019**

Bagi pendapatan bekerja sendiri pada tahun 2022, komposisi pendapatan yang diperoleh daripada sektor pertanian meningkat kepada 14.6 peratus (2019: 12.1%) dan komposisi sektor perlombongan turut meningkat kepada 0.5 peratus (2019: 0.4%). Walau bagaimanapun, sektor pembinaan dan perkhidmatan menunjukkan penurunan kepada 11.1 peratus dan 62.3 peratus berbanding pada tahun 2019 **(Carta 4)**.

Carta 4: Peratusan Pendapatan mengikut Punca Pendapatan daripada Bekerja Sendiri, Malaysia, 2019 dan 2022



Nota: Lain-lain merujuk kepada sektor yang tidak dikelaskan di mana-mana

Pendapatan daripada harta meliputi pendapatan daripada sewa dinilai bagi kediaman yang diduduki, rumah atau harta lain yang disewakan serta sewaan tanah, manakala pendapatan daripada pelaburan pula diperoleh daripada dividen dan faedah. Komposisi pendapatan yang diperoleh daripada harta pada tahun 2022 meningkat kepada 72.5 peratus (2019: 68.8%) dan komposisi pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan menunjukkan penurunan daripada 31.2 peratus pada tahun 2019 kepada 27.5 peratus pada tahun 2022 **(Carta 5)**.

Carta 5: Peratusan Pendapatan mengikut Punca Pendapatan daripada Harta dan Pelaburan, Malaysia, 2019 dan 2022



Bagi pendapatan daripada punca pendapatan pindahan semasa diterima pada tahun 2022, kiriman wang yang diterima daripada isi rumah lain merekodkan sumbangan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 49.0 peratus, diikuti oleh pencen (29.1%) dan bantuan diterima daripada kerajaan seperti bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, bantuan sara hidup, bantuan persekolahan dan hadiah berupa wang tunai atau mata benda (15.4%) **(Carta 6)**.

Carta 6: Peratusan Pendapatan mengikut Punca Pendapatan daripada Pindahan Semasa Diterima, Malaysia, 2019 dan 2022



Pendapatan mengikut punca juga boleh dijadikan sebagai rujukan bagi memperkasa pemantauan bantuan kerajaan kepada golongan sasar. Pendapatan daripada pindahan semasa diterima bagi isi rumah berpendapatan kurang daripada RM2,000 merekodkan peningkatan daripada 38.1 peratus pada tahun 2019 kepada 49.2 peratus pada tahun 2022. Jumlah peratusan turut meningkat pada tahun 2022 (9.7%) menunjukkan bahawa isi rumah ini juga bergantung kepada pindahan semasa diterima terutamanya semasa fasa endemik COVID-19.

Selain itu, pindahan semasa juga adalah signifikan terutamanya bagi isi rumah daripada kelas pendapatan antara RM2,000 hingga RM3,999 dan antara RM4,000 hingga RM5,999 iaitu masing-masing sebanyak 27.9 peratus dan 16.9 peratus. Secara keseluruhannya, peratusan pindahan semasa diterima bagi isi rumah dalam kelas pendapatan yang lebih tinggi adalah berkurang, dengan itu menunjukkan tahap kebergantungan yang semakin rendah terhadap pindahan semasa diterima bagi kumpulan tersebut **(Jadual 2)**.

Jadual 2: Peratusan Pendapatan mengikut Punca dan Kelas Pendapatan, Malaysia, 2019 dan 2022

Kelas Pendapatan (RM)	2019				2022			
	Pekerjaan Bergaji (%)	Bekerja Sendiri (%)	Harta & Pelaburan (%)	Pindahan Semasa Diterima (%)	Pekerjaan Bergaji (%)	Bekerja Sendiri (%)	Harta & Pelaburan (%)	Pindahan Semasa Diterima (%)
Jumlah	**61.6**	**17.3**	**12.9**	**8.2**	**62.8**	**15.2**	**12.3**	**9.7**
Kurang daripada 2,000	16.5	23.4	21.9	38.1	14.0	14.1	22.7	49.2
2,000 - 3,999	42.3	19.2	14.9	23.5	39.6	17.3	15.2	27.9
4,000 - 5,999	56.8	16.4	13.1	13.6	55.0	15.6	12.4	16.9
6,000 - 7,999	63.2	15.3	12.6	9.0	62.2	13.9	12.1	11.8
8,000 - 9,999	66.0	14.9	12.3	6.8	67.2	12.7	11.4	8.7
10,000 - 11,999	68.3	14.1	12.2	5.3	68.8	11.8	11.7	7.6
12,000 - 13,999	70.2	13.7	11.9	4.2	70.3	11.6	11.7	6.4
14,000 - 15,999	71.5	13.3	12.1	3.2	71.0	11.9	11.7	5.4
16,000 - 17,999	70.6	14.3	11.8	3.3	70.7	13.2	11.7	4.5
18,000 - 19,999	68.9	15.7	12.3	3.1	70.7	13.0	11.5	4.8
20,000 dan ke atas	59.7	24.5	13.4	2.4	64.0	21.3	12.1	2.7

Nota: Jumlah mungkin berbeza kerana pembundaran

2.2. PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR

Pendapatan isi rumah kasar bulanan dinilai berdasarkan nilai penengah dan purata. Pada tahun 2022, pendapatan isi rumah bulanan penengah di Malaysia adalah RM6,338 manakala pendapatan purata adalah RM8,479. Dari sudut pertumbuhan pula, pendapatan penengah meningkat 2.5 peratus setahun pada tahun 2022 berbanding 3.9 peratus pada tahun 2019. Pendapatan purata turut menunjukkan peningkatan pada tahun 2022 dengan kadar pertumbuhan 2.4 peratus berbanding 4.2 peratus pada tahun 2019.

2.2.1. Pendapatan Isi Rumah Kasar mengikut Strata

Pendapatan isi rumah penengah di bandar mencatatkan peningkatan pada kadar pertumbuhan 3.3 peratus daripada RM6,561 pada tahun 2019 kepada RM7,243 pada tahun 2022. Bagi tempoh yang sama, pendapatan isi rumah penengah di luar bandar turut meningkat pada kadar 2.2 peratus daripada RM3,828 kepada RM4,094. Pendapatan isi rumah purata di bandar pula merekodkan peningkatan kadar pertumbuhan 2.9 peratus daripada RM8,635 pada tahun 2019 kepada RM9,428 pada tahun 2022. Sementara itu, pendapatan isi rumah purata di luar bandar adalah RM5,147 berbanding RM5,004 pada tahun 2019, dengan kadar pertumbuhan 0.9 peratus.

Selain itu, berdasarkan kepada kelas pendapatan isi rumah mengikut strata turut menunjukkan bahawa kumpulan isi rumah yang berpendapatan antara RM4,000 hingga RM5,999 merekodkan peratusan tertinggi berbanding kelas pendapatan yang lain di strata bandar. Namun begitu, peratusan isi rumah dalam kelas pendapatan ini mencatatkan penurunan daripada 20.5 peratus kepada 19.6 peratus. Pada masa yang sama, isi rumah yang berpendapatan antara RM12,000 hingga RM13,999 mencatatkan peningkatan tertinggi antara kelas pendapatan yang lain iaitu sebanyak 1.4 mata peratus daripada 5.3 peratus pada tahun 2019 **(Carta 7)**.

Bagi luar bandar, kelas pendapatan antara RM2,000 hingga RM3,999 merekodkan peratusan tertinggi iaitu 37.1 peratus. Isi rumah yang berpendapatan RM4,000 hingga RM5,999 merekodkan peningkatan tertinggi iaitu sebanyak 2.4 mata peratus daripada 21.9 peratus pada tahun 2019. Selain daripada itu, isi rumah berpendapatan kurang daripada RM2,000 merekodkan penurunan di kedua-dua strata.

Carta 7: Peratusan Isi Rumah mengikut Kelas Pendapatan dan Strata, Malaysia, 2019 dan 2022

2.2.2. Pendapatan Isi Rumah Kasar mengikut Negeri

W.P. Kuala Lumpur merekodkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi iaitu RM10,234, diikuti oleh W.P. Putrajaya (RM10,056), Selangor (RM9,983), W.P. Labuan (RM6,904), Johor (RM6,879) dan Pulau Pinang (RM6,502). Selangor mencatatkan peningkatan tertinggi kadar pertumbuhan tahunan bagi pendapatan penengah iaitu 6.5 peratus dalam tempoh 2019 hingga 2022 berbanding kadar pertumbuhan penengah nasional, 2.5 peratus **(Carta 8)**.

Carta 8: Pendapatan Isi Rumah Kasar Penengah mengikut Negeri, 2019 dan 2022



Kadar	**2.5**	2.3	0.6	0.5	0.8	1.4	2.3	1.8	1.7	0.9	6.5	1.9	2.6	3.0	-1.0	0.9	0.2

Bagi pendapatan purata pula, W.P. Putrajaya merekodkan pendapatan isi rumah bulanan purata tertinggi iaitu RM13,473, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (RM13,325), Selangor (RM12,233) dan Johor (RM8,517). Negeri-negeri ini merekodkan nilai pendapatan purata lebih tinggi daripada paras nasional, RM8,479. Pertumbuhan tertinggi pendapatan purata direkodkan oleh negeri Selangor iaitu 4.1 peratus (Carta 9). Hal ini didorong oleh peningkatan yang stabil bagi punca pekerjaan bergaji (4.7%) serta bekerja sendiri (4.6%) dan peningkatan tinggi bagi punca pendapatan daripada pindahan semasa diterima (10.9%). Sementara itu, W.P. Labuan mencatatkan pertumbuhan terendah (-0.3%) antaranya disebabkan oleh pengurangan pendapatan daripada punca pendapatan bekerja sendiri (-6.6%) dan pendapatan daripada harta & pelaburan (-11.3%). Pekerjaan bergaji pula hanya merekodkan peningkatan marginal 0.5 peratus.

Carta 9: Pendapatan Isi Rumah Kasar Purata mengikut Negeri, 2019 dan 2022



Kadar	**2.4**	2.0	0.2	0.1	1.3	0.4	0.6	2.0	0.8	1.1	4.1	2.1	2.4	2.7	0.2	-0.3	1.6

2.2.3. Pendapatan Isi Rumah Kasar mengikut Etnik

Dapatan survei 2022 menunjukkan jurang pendapatan yang signifikan antara kumpulan etnik utama di Malaysia. Pendapatan penengah Cina lebih tinggi berbanding etnik lain dengan pendapatan bulanan RM8,167, sementara India dan Bumiputera masing-masing mencatatkan pendapatan penengah sebanyak RM6,627 dan RM5,793.

Bagi pendapatan purata pula, Cina turut merekodkan nilai tertinggi sebanyak RM10,656 sebulan. Ini diikuti oleh India dengan pendapatan purata RM8,950 dan Bumiputera dengan RM7,599 sebulan. Kadar pertumbuhan pendapatan purata dengan peningkatan tertinggi dicatatkan oleh India sebanyak 2.9 peratus, diikuti Cina (2.5%) dan Bumiputera (2.3%).

Pada tahun 2022, jurang pendapatan isi rumah purata antara Bumiputera berbanding Cina adalah RM3,057, manakala India berbanding Cina adalah RM1,706. Nisbah jurang pendapatan purata antara Cina dan Bumiputera adalah 1:0.71. Sementara itu, jurang pendapatan purata di antara Cina dan India adalah 1:0.84. Nisbah jurang pendapatan purata ini dilihat tidak jauh berbeza berbanding tahun 2019 **(Paparan 2)**.

Paparan 2: Jurang Pendapatan Isi Rumah Purata mengikut Etnik, Malaysia, 2019 dan 2022



Nota: Jurang pendapatan Cina kepada kaum lain

Kelas pendapatan yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi Bumiputera adalah isi rumah yang berpendapatan antara RM2,000 hingga RM3,999 iaitu 24.1 peratus. Bagi isi rumah Cina dan India, kelas pendapatan yang mencatatkan peratusan tertinggi adalah antara RM4,000 hingga RM5,999, iaitu masing-masing 16.1 peratus dan 20.5 peratus.

Kelas pendapatan RM20,000 dan ke atas mencatatkan peningkatan bagi semua kumpulan etnik pada tahun 2022. Etnik Cina merekodkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 10.2 peratus diikuti oleh India dan Bumiputera masing-masing merekodkan peratusan sebanyak 6.1 peratus dan 3.7 peratus **(Carta 10)**.

Carta 10: Peratusan Isi Rumah mengikut Kelas Pendapatan dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2019 dan 2022



2.2.4. Pendapatan Isi Rumah Kasar mengikut Pencapaian Pendidikan

Hubung kait antara kemiskinan dan pendidikan telah dibincangkan sejak sekian lama oleh pakar ekonomi di seluruh dunia terutamanya kesan latihan dan pendidikan ke atas taburan pendapatan. Beckers and Chiswick (1966) berpandangan bahawa pelaburan ke atas pendidikan akan menghasilkan keseimbangan dalam taburan pendapatan[1].

Isi rumah yang diketuai oleh mereka yang berpendidikan ijazah mempunyai pendapatan penengah sebanyak RM12,382 berbanding RM12,051 pada tahun 2019 dengan peningkatan kadar pertumbuhan 0.9 peratus setahun. Pendapatan penengah bagi isi rumah yang diketuai mereka yang berpendidikan di peringkat diploma/sijil pula tumbuh pada kadar 2.0 peratus, STPM (1.2%), SPM/SPMV (0.7%), PMR/PT3 (1.0%) **(Carta 11)**. Bagi isi rumah yang diketuai oleh mereka yang tidak mempunyai sebarang sijil pendidikan meningkat pada kadar 2.0 peratus setahun.

Carta 11: Pendapatan Penengah mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh Ketua Isi Rumah, Malaysia, 2019 dan 2022



---

[1] *Becker, G. S., & Chiswick, B. R. (1966). Education and the Distribution of Earnings. The American Economic Review, 56(1/2), 358-369.*

Bagi pendapatan purata pula, ketua isi rumah yang berpendidikan ijazah menerima pendapatan purata sebanyak RM15,470 berbanding RM14,939 pada tahun 2019 dengan kadar pertumbuhan tahunan 1.2 peratus. Manakala, ketua isi rumah yang tidak mempunyai sebarang sijil pendidikan mencatatkan pendapatan purata sebanyak RM4,488 pada tahun 2022 berbanding RM4,374 pada tahun 2019 **(Carta 12)**.

Carta 12: Pendapatan Purata mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh Ketua Isi Rumah, Malaysia, 2019 dan 2022



2.2.5. Pendapatan Isi Rumah Kasar mengikut Sektor Pekerjaan

Selain daripada maklumat yang berkaitan dengan demografi dan geografi, maklumat berkaitan pendapatan berdasarkan kepada sektor pekerjaan isi rumah juga boleh diperoleh daripada survei ini. Sektor pekerjaan menyumbang kepada kesejahteraan isi rumah melalui peningkatan taraf hidup terutamanya di kalangan isi rumah miskin. Untuk mencapai keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan sosial, pewujudan peluang pekerjaan yang produktif adalah penting bagi membasmi kemiskinan.

Berdasarkan kelas pendapatan, isi rumah yang diketuai oleh mereka yang bekerja di sektor pertanian dan pembinaan mencatatkan peratusan tertinggi bagi isi rumah yang berpendapatan RM2,000 hingga RM3,999 sebulan, masing-masing sebanyak 38.7 peratus dan 22.4 peratus. Sementara itu, sektor perlombongan, pembuatan dan perkhidmatan pula masing-masing mencatatkan peratusan tertinggi bagi isi rumah yang berpendapatan RM4,000 hingga RM5,999 sebulan iaitu 16.6 peratus, 22.0 peratus dan 20.0 peratus. Selain itu, isi rumah yang diketuai oleh mereka yang bekerja di sektor perlombongan & pengkuarian mencatatkan peratusan tertinggi bagi kelas pendapatan RM20,000 dan ke atas iaitu sebanyak 13.2 peratus **(Carta 13)**.

Carta 13: Peratusan Isi Rumah mengikut Kelas Pendapatan dan Sektor Pekerjaan, Malaysia, 2019 dan 2022



2.2.6. Pendapatan Isi Rumah Kasar mengikut Kumpulan Isi Rumah

RMKe-12 yang digariskan oleh kerajaan memberi tumpuan lebih untuk menanganikemiskinan dan keterangkuman (inclusivity) selaras dengan prinsip tiada sesiapa yang tertinggal, dalam mencapai taraf hidup yang wajar dan memastikan keadilan sosial. Strategi ini menyokong komitmen untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan makmur dengan pengagihan kekayaan yang adil dan saksama merentas kumpulan pendapatan, etnik dan rantaian bekalan.

Hasil dapatan daripada survei 2022, had pendapatan bagi kumpulan Terendah 40 peratus (B40) pada tahun 2022 yang merangkumi 3.16 juta isi rumah adalah RM5,249. Had pendapatan kumpulan Pertengahan 40 peratus (M40) yang melibatkan 3.16 juta isi rumah pula adalah di antara RM5,250 hingga RM11,819. Sementara itu, sebanyak 1.58 juta isi rumah berada di kumpulan Tertinggi 20 peratus (T20) dengan pendapatan melebihi RM11,819. Dari segi agihan pendapatan, T20 memiliki 46.3 peratus daripada jumlah pendapatan isi rumah berbanding 46.8 peratus pada tahun 2019. Sementara itu, 37.6 peratus dimiliki oleh kumpulan M40 dan selebihnya 16.1 peratus daripada jumlah pendapatan adalah untuk kumpulan B40 **(Paparan 3)**.

Paparan 3: Struktur Pendapatan mengikut Kumpulan Isi Rumah, Malaysia, 2019 dan 2022



Penemuan survei juga menunjukkan pendapatan purata isi rumah B40 adalah sedikit rendah berbanding pendapatan penengah. Hal ini menunjukkan agihan pendapatan di dalam kumpulan isi rumah B40 adalah pencong negatif atau pencong ke kiri di mana kebanyakan isi rumah berpendapatan rendah mempengaruhi nilai pendapatan purata. Situasi ini berbeza bagi kumpulan isi rumah M40 dan T20 di mana masing-masing merekodkan pendapatan purata lebih tinggi daripada pendapatan penengah. Isi rumah M40 mencatatkan pendapatan purata sebanyak RM7,971 manakala pendapatan penengah adalah sebanyak RM7,694. Isi rumah T20 pula merekodkan pendapatan purata dan pendapatan penengah masing-masing sebanyak RM19,652 dan RM15,867. Bagi kumpulan M40 dan T20, dapatan ini menunjukkan agihan pendapatan bersifat pencong positif atau pencong ke kanan di mana pendapatan isi rumah kebanyakannya terkumpul di bahagian kiri agihan dan sebilangan kecil isi rumah mempunyai pendapatan yang lebih tinggi menyebabkan pendapatan penengah adalah lebih rendah daripada pendapatan purata.

B40 diperincikan kepada B1, B2, B3 dan B4; M40 kepada M1, M2, M3 dan M4; dan T20 kepada T1 dan T2. Berdasarkan kepada kelompok desil isi rumah ini, agihan pendapatan daripada kumpulan B40 yang menguasai 16.1 peratus daripada keseluruhan pendapatan isi rumah merupakan perincian daripada B1 yang memiliki 2.3 peratus daripada jumlah pendapatan, B2 (3.6%), B3 (4.6%) dan B4 (5.6%). Bagi M40 dengan jumlah agihan 37.6 peratus, M1 hanya menguasai 6.8 peratus, sementara M4 menguasai 12.5 peratus daripada jumlah pendapatan. Namun begitu, penelitian pengkelasan isi rumah dan agihan pendapatan sebegini perlu turut mengambil kira saiz isi rumah bagi setiap kumpulan **(Jadual 3)**.

Jadual 3: Agihan Pendapatan, Pendapatan Isi Rumah Penengah, Purata dan Had Pendapatan mengikut Kumpulan Isi Rumah Desil, Malaysia, 2022

Kumpulan Desil		Agihan Pendapatan	Pendapatan Isi Rumah Penengah	Pendapatan Isi Rumah Purata	Had Pendapatan (RM)
T20	T2	30.3	20,776	25,719	15,870 dan lebih
	T1	16.0	13,475	13,585	11,820 - 15,869
M40	M4	12.5	10,552	10,577	9,450 - 11,819
	M3	10.1	8,523	8,536	7,690 - 9,449
	M2	8.2	6,979	6,989	6,340 - 7,689
	M1	6.8	5,770	5,782	5,250 - 6,339
B40	B4	5.6	4,764	4,771	4,310 - 5,249
	B3	4.6	3,875	3,874	3,440 - 4,309
	B2	3.6	3,034	3,018	2,560 - 3,439
	B1	2.3	2,012	1,941	Kurang daripada 2,560

2.3. PENDAPATAN ISI RUMAH BOLEH GUNA

Pendapatan boleh guna merujuk kepada jumlah pendapatan selepas ditolak bayaran pindahan semasa termasuklah bayaran wajib yang dikenakan ke atas isi rumah seperti cukai, zakat dan caruman kepada skim keselamatan sosial serta pindahan semasa yang diterima secara mata benda. Pendapatan boleh guna ini juga merupakan pendapatan isi rumah yang masih ada untuk dibelanjakan ke atas perbelanjaan penggunaan dan untuk simpanan sepanjang tempoh rujukan.

Berdasarkan dapatan survei 2022, pendapatan boleh guna penengah mencatatkan kadar pertumbuhan 1.9 peratus kepada RM5,413 berbanding RM5,116 pada tahun 2019. Sementara itu, pendapatan boleh guna purata adalah RM7,111 dengan sedikit peningkatan 1.7 peratus daripada RM6,764 pada tahun 2019. Pendapatan boleh guna purata meliputi 83.9 peratus daripada jumlah pendapatan kasar purata.

Pendapatan boleh guna penengah di kawasan bandar meningkat daripada RM5,641 pada tahun 2019 kepada RM6,101 pada tahun 2022. Sementara itu, pendapatan boleh guna penengah di kawasan luar bandar juga meningkat kepada RM3,605 berbanding RM3,486. Pada masa yang sama, pendapatan boleh guna purata di kawasan bandar mencatatkan kadar pertumbuhan 2.2 peratus daripada RM7,331 (2019) kepada RM7,838 (2022). Pendapatan boleh guna purata di kawasan luar bandar merekodkan kadar pertumbuhan 0.2 peratus kepada RM4,558 pada tahun 2022 berbanding RM4,526 pada tahun 2019 **(Jadual 4)**.

Jadual 4: Pendapatan Isi Rumah Boleh Guna Penengah dan Purata mengikut Strata, Malaysia, 2019 dan 2022

Strata	Pendapatan Boleh Guna Penengah (RM)		CAGR 2019 - 2022 (%)	Pendapatan Boleh Guna Purata (RM)		CAGR 2019 - 2022 (%)
	2019	2022		2019	2022	
Malaysia	**5,116**	**5,413**	**1.9**	**6,764**	**7,111**	**1.7**
Bandar	5,641	6,101	2.6	7,331	7,838	2.2
Luar Bandar	3,486	3,605	1.1	4,526	4,558	0.2

W.P. Putrajaya mencatatkan pendapatan boleh guna penengah tertinggi dengan RM8,869 pada tahun 2022. Negeri yang mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi adalah Selangor dengan peningkatan pendapatan boleh guna penengah 6.0 peratus kepada RM8,187 pada tahun 2022 daripada RM6,837 pada tahun 2019. Selain itu, W.P. Putrajaya kekal mencatatkan pendapatan boleh guna purata tertinggi pada tahun 2022 iaitu RM11,277 (2019: RM11,333). Negeri yang mencatatkan pendapatan boleh guna purata melebihi paras nasional (RM7,111) adalah W.P. Putrajaya (RM11,277), W.P. Kuala Lumpur (RM10,540), Selangor (RM10,008) dan Johor (RM7,251). Selangor turut mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi dengan peningkatan pendapatan boleh guna purata sebanyak 4.2 peratus **(Jadual 5)**.

Jadual 5: Pendapatan Isi Rumah Boleh Guna Penengah dan Purata mengikut Negeri, Malaysia, 2019 dan 2022

Negeri	Pendapatan Boleh Guna Penengah (RM)		CAGR 2019 - 2022 (%)	Pendapatan Boleh Guna Purata (RM)		CAGR 2019 - 2022 (%)
	2019	2022		2019	2022	
Malaysia	**5,116**	**5,413**	**1.9**	**6,764**	**7,111**	**1.7**
Johor	5,516	5,899	2.2	6,923	7,251	1.5
Kedah	3,885	3,821	(0.6)	4,984	4,815	(1.1)
Kelantan	3,309	3,156	(1.6)	4,516	4,320	(1.5)
Melaka	5,354	5,336	(0.1)	6,892	6,996	0.5
Negeri Sembilan	4,327	4,472	1.1	5,841	5,701	(0.8)
Pahang	3,986	4,222	1.9	5,035	5,143	0.7
Pulau Pinang	5,397	5,522	0.8	6,749	6,903	0.8
Perak	3,803	3,804	0.0	4,920	4,920	0.0
Perlis	4,282	4,362	0.6	5,183	5,259	0.5
Selangor	6,837	8,187	6.0	8,826	10,008	4.2
Terengganu	5,038	5,224	1.2	6,122	6,433	1.7
Sabah	3,788	3,987	1.7	5,105	5,334	1.5
Sarawak	3,994	4,272	2.2	5,218	5,548	2.0
W.P. Kuala Lumpur	8,834	8,259	(2.2)	11,102	10,540	(1.7)
W.P. Labuan	6,083	5,580	(2.9)	7,329	6,643	(3.3)
W.P. Putrajaya	9,045	8,869	(0.7)	11,333	11,277	(0.2)

Pendapatan boleh guna penengah dan purata tertinggi dicatatkan oleh etnik Cina iaitu RM6,825 dan RM8,762 yang menunjukkan kadar pertumbuhan masing-masing 2.2 peratus dan 1.5 peratus. Ini diikuti oleh India yang merekodkan pendapatan boleh guna penengah sebanyak RM5,576 dengan kadar pertumbuhan tertinggi iaitu 2.9 peratus dan RM7,356 bagi pendapatan boleh guna purata dengan kadar pertumbuhan tertinggi 2.1 peratus. Sementara itu, Bumiputera pula mencatatkan pendapatan boleh guna penengah sebanyak RM4,985 dengan kadar pertumbuhan 1.8 peratus manakala pendapatan boleh guna purata sebanyak RM6,456 dengan kadar pertumbuhan 1.7 peratus **(Jadual 6)**.

Jadual 6: Pendapatan Isi Rumah Boleh Guna Penengah dan Purata mengikut Kumpulan Etnik Malaysia, 2019 dan 2022

Kumpulan Etnik	Pendapatan Boleh Guna Penengah (RM)		CAGR 2019 - 2022 (%)	Pendapatan Boleh Guna Purata (RM)		CAGR 2019 - 2022 (%)
	2019	2022		2019	2022	
Malaysia	**5,116**	**5,413**	**1.9**	**6,764**	**7,111**	**1.7**
Bumiputera	4,721	4,985	1.8	6,127	6,456	1.7
Cina	6,397	6,825	2.2	8,371	8,762	1.5
India	5,107	5,576	2.9	6,907	7,356	2.1
Lain-lain	3,773	3,864	0.8	5,239	5,097	-0.9

Bagi sektor pekerjaan, isi rumah yang diketuai oleh mereka yang bekerja dalam sektor perlombongan & pengkuarian merekodkan pendapatan boleh guna penengah dan purata tertinggi bagi tahun 2022. Pendapatan boleh guna penengah ialah RM7,119 berbanding RM7,054 pada tahun 2019 manakala pendapatan boleh guna purata merekodkan RM9,555 berbanding RM10,213 (2019) dengan kadar pertumbuhan menurun 2.2 peratus. Isi rumah yang diketuai oleh mereka yang bekerja dalam sektor pertanian pula merekodkan pendapatan boleh guna penengah dan purata terendah, masing-masing dengan RM3,692 dan RM4,648 **(Jadual 7)**.

Jadual 7: Pendapatan Isi Rumah Boleh Guna Penengah dan Purata mengikut Sektor Pekerjaan, Malaysia, 2019 dan 2022

Sektor Pekerjaan	Pendapatan Boleh Guna Penengah (RM)		CAGR 2019 - 2022 (%)	Pendapatan Boleh Guna Purata (RM)		CAGR 2019 - 2022 (%)
	2019	2022		2019	2022	
Malaysia	**5,116**	**5,413**	**1.9**	**6,764**	**7,111**	**1.7**
Pertanian	3,285	3,692	3.9	4,191	4,648	3.4
Perlombongan & pengkuarian	7,054	7,119	0.3	10,213	9,555	(2.2)
Pembuatan	5,279	5,778	3.0	6,679	7,261	2.8
Pembinaan	5,293	5,612	2.0	7,214	7,542	1.5
Perkhidmatan	6,001	6,325	1.8	7,721	8,159	1.8
Lain-lain	3,927	3,969	0.4	5,185	5,146	(0.3)

2.4. PENDAPATAN ISI RUMAH BENAR

Pendapatan isi rumah benar adalah pendapatan yang diperoleh selepas mengambil kira inflasi yang menggambarkan kuasa beli sebenar isi rumah. Secara umumnya, pendapatan benar mengambil kira harga dan kos sara hidup yang turun naik, biasanya menghasilkan nilai yang lebih rendah dan menunjukkan kuasa perbelanjaan yang berkurangan.

Pendapatan isi rumah benar penengah pada tahun 2022 adalah RM4,983 berbanding RM4,834 pada tahun 2019 dengan kadar pertumbuhan 1.0 peratus. Dalam tempoh yang sama, pendapatan isi rumah benar purata meningkat 0.8 peratus kepada RM6,666 (2022) daripada RM6,503 (2019). Kadar pertumbuhan pendapatan kasar purata adalah tiga kali ganda berbanding kadar pertumbuhan pendapatan benar purata **(Carta 14)**.

Carta 14: Pendapatan Isi Rumah Benar Penengah dan Purata, Malaysia, 2019 dan 2022



Kadar pertumbuhan (%):				
2019	3.9	2.1	4.2	2.5
2022	2.5	1.0	2.4	0.8

W.P. Kuala Lumpur mencatatkan pendapatan benar penengah tertinggi dengan RM7,964 pada tahun 2022 berbanding RM8,576 pada tahun 2019. Negeri yang mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi adalah Selangor dengan peningkatan pendapatan benar penengah 4.5 peratus kepada RM7,557 (2022) daripada RM6,605 (2019). Selain itu, W.P. Kuala Lumpur turut mencatatkan pendapatan benar purata tertinggi pada tahun 2022 iaitu RM10,370. Negeri yang mencatatkan pendapatan benar purata melebihi paras nasional (RM6,666) adalah W.P. Kuala Lumpur (RM10,370), W.P. Putrajaya (RM10,070), Selangor (RM9,260) dan W.P. Labuan (RM6,841). Selangor turut mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi dengan peningkatan pendapatan benar purata 2.0 peratus **(Jadual 8)**.

Jadual 8: Pendapatan Isi Rumah Benar Penengah dan Purata mengikut Negeri, Malaysia, 2019 dan 2022

Negeri	Pendapatan Benar		CAGR 2019 - 2022	Pendapatan Benar		CAGR 2019 - 2022
	2019	2022		2019	2022	
Malaysia	**4,834**	**4,983**	**1.0**	**6,503**	**6,666**	**0.8**
Johor	5,137	5,267	0.8	6,402	6,521	0.6
Kedah	3,619	3,564	(0.5)	4,621	4,494	(0.9)
Kelantan	2,954	2,871	(1.0)	4,041	3,880	(1.4)
Melaka	5,028	5,000	(0.2)	6,429	6,487	0.3
Negeri Sembilan	4,086	4,115	0.2	5,475	5,345	(0.8)
Pahang	3,731	3,812	0.7	4,762	4,633	(0.9)
Pulau Pinang	5,003	5,044	0.3	6,305	6,413	0.6
Perak	3,637	3,654	0.2	4,804	4,698	(0.7)
Perlis	3,974	3,921	(0.4)	4,728	4,712	(0.1)
Selangor	6,605	7,557	4.5	8,710	9,260	2.0
Terengganu	4,735	4,771	0.3	5,820	5,883	0.4
Sabah	3,683	3,879	1.7	4,996	5,230	1.5
Sarawak	3,890	4,121	1.9	5,093	5,345	1.6
W.P. Kuala Lumpur	8,576	7,964	(2.5)	10,778	10,370	(1.3)
W.P. Labuan	5,686	5,725	0.2	7,032	6,841	(0.9)
W.P. Putrajaya	8,298	7,516	(3.3)	10,673	10,070	(1.9)

2.5. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

Pendapatan merupakan salah satu faktor penting yang menentukan kuasa beli isi rumah dan mempengaruhi perubahan corak perbelanjaan. Perbelanjaan penggunaan isi rumah bergerak selari dengan pendapatan isi rumah di mana pendapatan yang lebih tinggi menunjukkan perbelanjaan penggunaan isi rumah lebih tinggi. Ini menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan penggunaan isi rumah mempunyai korelasi yang positif **(Carta 15)**.

Carta 15: Hubungan di antara Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah, Malaysia, 2019 dan 2022



* Merujuk kepada perbelanjaan penggunaan warganegara Malaysia sahaja

Pendapatan isi rumah purata meningkat 2.4 peratus, pendapatan isi rumah boleh guna meningkat 1.7 peratus manakala perbelanjaan penggunaan isi rumah purata bagi warganegara Malaysia meningkat sebanyak 3.4 peratus pada tahun 2022. Kesemua negeri menunjukkan kadar pertumbuhan perbelanjaan melebihi pendapatan isi rumah, kecuali Selangor yang merekodkan kadar pertumbuhan pendapatan (4.1%) melebihi perbelanjaan penggunaan isi rumah (2.6%) **(Jadual 9)**.

Secara purata, isi rumah menggunakan sebanyak 73.6 peratus daripada pendapatan boleh guna untuk membiayai perbelanjaan penggunaan. Kebanyakan negeri mencatatkan peratusan perbelanjaan penggunaan melebihi 70.0 peratus daripada pendapatan boleh guna. Walau bagaimanapun, tiga negeri merekodkan peratusan perbelanjaan penggunaan kurang daripada 70 peratus daripada pendapatan boleh guna iaitu Selangor (68.2%), Sabah (68.8%) dan W.P. Labuan (62.9%).

Jadual 9: Kadar Pertumbuhan Tahunan bagi Pendapatan Kasar, Pendapatan Boleh Guna dan Perbelanjaan Penggunaan serta Peratusan Perbelanjaan kepada Pendapatan mengikut Negeri, Malaysia, 2022

Negeri	Kadar Pertumbuhan Tahunan 2019 - 2022 (%)			Peratusan Perbelanjaan* kepada Pendapatan Kasar (%)	Peratusan Perbelanjaan* kepada Pendapatan Boleh Guna (%)
	Pendapatan Kasar	Pendapatan Boleh Guna	Perbelanjaan Penggunaan*		
Malaysia	**2.4**	**1.7**	**3.4**	**61.7**	**73.6**
Johor	2.0	1.5	3.4	63.4	74.5
Kedah	0.2	(1.1)	3.5	68.5	78.9
Kelantan	0.1	(1.5)	2.5	72.2	81.6
Melaka	1.3	0.5	4.1	71.6	82.5
Negeri Sembilan	0.4	(0.8)	1.9	69.4	82.6
Pahang	0.6	0.7	3.7	72.4	81.3
Pulau Pinang	2.0	0.8	4.5	64.7	77.5
Perak	0.8	0.0	2.8	68.2	80.1
Perlis	1.1	0.5	3.5	68.0	73.3
Selangor	4.1	4.2	2.6	55.8	68.2
Terengganu	2.1	1.7	3.4	66.8	75.3
Sabah	2.4	1.5	4.6	59.4	68.8
Sarawak	2.7	2.0	4.1	62.3	72.5
W.P. Kuala Lumpur	0.2	(1.7)	3.1	57.8	73.1
W.P. Labuan	(0.3)	(3.3)	(1.2)	50.6	62.9
W.P. Putrajaya	1.6	(0.2)	3.9	65.9	78.7

*Bagi tujuan perbandingan, perbelanjaan penggunaan dalam jadual ini merujuk kepada warganegara Malaysia sahaja

Dapatan survei ini juga menunjukkan 26.4 peratus isi rumah di Malaysia berpendapatan di bawah RM4,000 dengan sebahagian besarnya berada dalam kelas pendapatan antara RM2,000 hingga RM3,999, diikuti oleh isi rumah dalam kelas pendapatan antara RM4,000 hingga RM5,999 dengan 20.7 peratus. Peratusan isi rumah yang berbelanja kurang daripada RM4,000 sebulan adalah 43.6 peratus, menunjukkan kuasa beli isi rumah masih rendah. Pada masa yang sama, peratusan isi rumah turut mencatatkan peningkatan bagi kelas perbelanjaan RM4,000 dan ke atas berbanding tahun 2019 **(Carta 16)**. Peningkatan perbelanjaan (3.4%) adalah dalam jajaran yang lebih laju berbanding peningkatan pendapatan purata isi rumah (2.4%).

Carta 16: Peratusan Isi Rumah mengikut Kelas Pendapatan dan Perbelanjaan, Malaysia, 2019 dan 2022



*Bagi tujuan perbandingan, perbelanjaan penggunaan merujuk kepada warganegara Malaysia sahaja

2.6. PENDAPATAN NEGARA KASAR PER KAPITA DAN PENDAPATAN ISI RUMAH

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) merujuk kepada keseluruhan pendapatan yang diterima dalam negara termasuk pampasan pekerja, lebihan kendalian kasar dan cukai bersih yang dipengaruhi oleh perkembangan sektor ekonomi. Peningkatan dalam pendapatan negara kasar per kapita menggambarkan pertumbuhan ekonomi yang dilihat boleh memberi manfaat kepada isi rumah. Keseluruhan tahun 2022, ekonomi Malaysia melonjak 8.7 peratus (RM1,510.9 bilion) berbanding 3.3 peratus (RM1,390.6 bilion) pada tahun 2021 selepas mengalami penurunan 5.5 peratus (RM1,346.2 bilion) pada tahun 2020. Rentetan itu, paras ekonomi Malaysia pada tahun 2022 telah melepasi paras tahun 2019 (paras pra-pandemik) sebanyak 6.1 peratus atau RM87.0 billion (2019: RM1,424.0 bilion).

Pendapatan negara kasar per kapita Malaysia bagi tahun 2022 adalah RM53,043 setahun atau RM4,420 sebulan, peningkatan sebanyak 15.5 kali ganda daripada RM3,434 (sebulan: RM286) yang direkodkan pada tahun 1979. Pendapatan isi rumah pula mencatatkan nilai purata bulanan sebanyak RM8,479 pada tahun 2022 berbanding RM678 pada tahun 1979. Dari segi per kapita, nilai pendapatan purata per kapita bulanan adalah RM2,635 pada tahun 2022, meningkat 19.8 kali ganda berbanding RM133 pada tahun 1979. Data ini menunjukkan bahawa peningkatan pendapatan isi rumah meningkat selari dengan peningkatan pendapatan negara kasar per kapita **(Carta 17)**.

Carta 17: Siri Masa Pendapatan Isi Rumah Kasar Purata Bulanan dan Pendapatan Negara Kasar per Kapita Bulanan, Malaysia, 1979 - 2022



Pendapatan isi rumah kasar bulanan per kapita bagi tahun 2022 adalah RM2,635 berbanding RM2,394 pada tahun 2019

*Pendapatan negara kasar per kapita bulanan (RM) dikira semula berdasarkan pendapatan negara kasar per kapita bagi tahun tersebutn dibahagikan dengan 12 bulan

2.7. PENDAPATAN ISI RUMAH DAN INFLASI

Indeks Harga Pengguna (IHP) mengukur kadar perubahan harga mengikut masa bagi "bakul" tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. Inflasi diukur melalui perubahan peratus tahunan IHP. Peningkatan harga barangan akan meningkatkan nilai IHP mengikut pemberat yang telah ditetapkan.

Bulíř (2001) menyatakan bahawa inflasi adalah faktor yang mempengaruhi taburan pendapatan[2]. Sekiranya kadar inflasi adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar peningkatan pendapatan, ini menunjukkan bahawa isi rumah boleh berada dalam situasi kekangan pendapatan untuk membeli barangan, dan sebaliknya.

---

[2] *Bulíř, A. (2001). Income inequality: Does inflation matter?. IMF Staff papers, 48(1), 139-159.*

Berdasarkan penemuan survei 2022, didapati bahawa pendapatan isi rumah telah meningkat lebih pantas berbanding kadar inflasi dari tahun ke tahun. Harga barang dan perkhidmatan telah meningkat sebanyak 23.6 peratus dalam tempoh 10 tahun dari tahun 2009 sehingga 2019, dan meningkat 4.7 peratus antara tahun 2019 dan 2022. Dalam masa yang sama, pendapatan isi rumah telah meningkat dua kali ganda. Peningkatan pendapatan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kuasa beli isi rumah.

Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan kadar pertumbuhan pendapatan purata isi rumah pada tahun 2022 (2.4%) adalah lebih rendah berbanding kadar inflasi tahunan (3.3%). Kenaikan harga komoditi, kenaikan harga minyak global, penyusutan nilai Ringgit Malaysia berbanding dolar Amerika Syarikat (USD), peningkatan kos barangan import dan isu geopolitik merupakan antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan inflasi pada tahun 2022. Keadaan ini menunjukkan bahawa isi rumah berada dalam situasi kekangan pendapatan dan perlu mengutamakan perbelanjaan bagi barangan berbentuk keperluan melebihi kehendak **(Carta 18)**.

Carta 18: Perbandingan Kadar Pertumbuhan Pendapatan Purata Isi Rumah dan Kadar Inflasi, Malaysia, 1995 - 2022



BAHAGIAN 2

STATISTIK PERBELANJAAN ISI RUMAH

2022

INTISARI

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

A. PENGENALAN

Pandemik COVID-19 telah menjejaskan perbelanjaan isi rumah dengan ketara sama ada di bandar mahupun luar bandar. Dalam tempoh 2021 dan 2022, kerajaan telah mengambil beberapa langkah utama dalam mengukuhkan semula sosioekonomi negara melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN). Kesannya, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat 8.7 peratus pada tahun 2022 berbanding negatif 5.6 peratus pada 2020 mencerminkan keadaan ekonomi kembali pulih termasuklah bagi perbelanjaan dan pelaburan swasta. Pemberian moratorium bersasar dan pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) turut meningkatkan kuasa beli rakyat. Bagi mengkaji perubahan gelagat pengguna pasca pandemik, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaksanakan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) pada tahun 2022 bagi mengumpul data yang komprehensif untuk melihat komposisi dan pola perbelanjaan yang dibuat oleh isi rumah.

B. LATAR BELAKANG SURVEI

HES 2022 merupakan survei kali ke-16 setelah kali pertama dilaksanakan pada 1957. Objektif utama pelaksanaan survei ini adalah untuk mendapatkan data komprehensif mengenai tingkat dan pola perbelanjaan pelbagai barangan dan perkhidmatan. Sebelum tahun 2014, survei ini dijalankan setiap lima tahun dan kemudiannya disepadukan dengan Survei Pendapatan Isi Rumah dengan kekerapan dua kali setiap lima tahun. Kedua-dua survei ini dilaksanakan secara saintifik dengan kaedah pensampelan kebarangkalian. Sampel yang dipilih pada survei kali ini berdasarkan senarai tempat kediaman yang diperoleh daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Perkara ini membolehkan sampel yang dipilih dapat mewakili seluruh 8.4 juta populasi isi rumah sehingga ke peringkat daerah pentadbiran.

Data perbelanjaan ini digunakan dalam pengiraan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan kajian tentang pola perbelanjaan isi rumah. Namun begitu, seiring dengan perkembangan dan kemajuan negara, maklumat berkaitan perbelanjaan semakin penting sebagai indikator makro dan mikro negara termasuklah pengukuran KDNK, pendapatan garis kemiskinan, kos sara hidup dan kuasa beli pengguna.

C. PENEMUAN SURVEI

Analisis yang terkandung di dalam laporan ini dipaparkan mengikut segmen iaitu statistik perbelanjaan penggunaan isi rumah, barangan popular mengikut kumpulan utama terpilih, kecenderungan menggunakan marginal, perbelanjaan kumpulan kesihatan, perbelanjaan bukan penggunaan, siri masa trend perbelanjaan penggunaan isi rumah ke atas keperluan asas dan pilihan serta siri masa perbelanjaan isi rumah dan IHP.

1. STATISTIK PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

Perbelanjaan penggunaan yang merujuk kepada bahagian pendapatan yang dibelanjakan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan ekonomi dalam negara. Perbelanjaan penggunaan yang tinggi menggambarkan kuasa beli isi rumah yang kukuh seterusnya menjamin kestabilan pembangunan masyarakat dan kepesatan ekonomi.

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata tumbuh pada kadar 3.7 peratus, lebih tinggi daripada peningkatan pendapatan isi rumah purata (2.4%) bagi tempoh 2019 hingga 2022. Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata meningkat daripada RM4,609 pada 2019 kepada RM5,150 pada 2022. Perbelanjaan penggunaan per kapita yang diperoleh dengan membahagikan nilai perbelanjaan isi rumah 2022 dengan bilangan penduduk Malaysia, mencatatkan peningkatan sebanyak 4.6 peratus daripada RM1,426 pada 2019 kepada RM1,637 pada 2022. Sementara itu, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah meningkat daripada RM3,683 pada 2019 kepada RM4,282 pada 2022.

1.1 PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH MENGIKUT KUMPULAN UTAMA

Pola perbelanjaan isi rumah boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor berdasarkan keutamaan keperluan dan saiz sesebuah isi rumah tersebut. Di kebanyakan negara, kumpulan barang keperluan asas biasanya mendominasi perbelanjaan isi rumah. Terdapat empat kumpulan yang mencatatkan komposisi perbelanjaan penggunaan yang besar di Malaysia iaitu kumpulan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (23.2%); Makanan & minuman (16.3%); Restoran & perkhidmatan penginapan (16.1%) dan Pengangkutan (11.3%) yang merangkumi 66.9 peratus komposisi utama perbelanjaan.

Terdapat empat kumpulan yang menunjukkan peningkatan dalam komposisi perbelanjaan pada tahun 2022 berbanding 2019 iaitu Restoran & perkhidmatan penginapan (2.4 mata peratus); Kesihatan(0.8 mata peratus); Insuran & perkhidmatan kewangan (0.5 mata peratus) dan Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (0.3 mata peratus).

Enam kumpulan yang lain menunjukan penurunan komposisi perbelanjaan pada tahun 2022 berbanding 2019 iaitu kumpulan Pengangkutan (-2.1 mata peratus); Makanan & minuman dan Pakaian & kasut masing-masing (-0.6 mata peratus); Minuman alkohol & tembakau (-0.4 mata peratus); Maklumat & komunikasi dan Perkhidmatan pendidikan masing-masing (-0.1 mata peratus).

Tiga kumpulan perbelanjaan yang tidak berubah iaitu kumpulan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (23.2%); Rekreasi, sukan & kebudayaan (3.0%) dan Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan (6.1%) **(Paparan 4)**.

Paparan 4: Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut 13 Kumpulan Utama, Malaysia, 2019 dan 2022



1.2 PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH MENGIKUT JENIS BARANG

Berdasarkan MCOICOP, perbelanjaan penggunaan isi rumah ini boleh dikategorikan mengikut empat jenis barangan iaitu barang tahan lama, semi tahan lama, tidak tahan lama dan perkhidmatan. Umumnya, semakin membangun sesebuah negara, maka semakin tinggi peratusan perbelanjaan terhadap perkhidmatan. Schettkat & Yocarini (2005)[1] melalui analisis jadual input-output negara-negara OECD menyatakan apabila pendapatan per kapita meningkat, sumbangan komponen perkhidmatan dalam permintaan akhir terutama perbelanjaan penggunaan isi rumah juga meningkat sama ada pada harga malar atau semasa.

[1] Schettkat, R., & Yocarini, L. (2005). *The Shift to Services Employment: A Review of the Literature. Structural Change and Economic Dynamics.*

Pada 2022, peratusan perbelanjaan bagi komponen perkhidmatan adalah 54.3 peratus melebihi perbelanjaan ke atas barangan sebanyak 45.7 peratus. Dari segi pertumbuhan, komponen barang tahan lama meningkat lebih tinggi iaitu 10.3 peratus berbanding komponen yang lain dalam tempoh 2019 sehingga 2022. Pecahan bagi komponen barangan menunjukkan barang tidak tahan lama mendominasi komposisi perbelanjaan iaitu 32.0 peratus seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10: Jenis Barang Perbelanjaan, Malaysia, 2019 dan 2022

Jenis barang	2019		2022		CAGR (%)
	Purata (RM)	Peratus	Purata (RM)	Peratus	
Barangan	**2,170**	**47.0**	**2,352**	**45.7**	**2.7**
Barang tahan lama	231	5.0	314	6.1	10.3
Barang semi tahan lama	366	7.9	389	7.6	2.0
Barang tidak tahan lama	1,573	34.1	1,649	32.0	1.6
Perkhidmatan	**2,439**	**53.0**	**2,797**	**54.3**	**4.6**
Jumlah	**4,609**	**100.0**	**5,150**	**100.0**	**3.7**

2. CORAK PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

2.1 PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH MENGIKUT STRATA

Urbanisasi bermaksud proses perubahan sesuatu kawasan daripada luar bandar kepada bandar. Perbandaran juga berlaku sekiranya penempatan bandar berkembang menjadi lebih besar dan kompleks. Urbanisasi sesebuah bandar memerlukan panduan yang komprehensif dan seragam agar dapat terus berkembang. Malaysia adalah antara negara di Asia Tenggara yang mempunyai lebih banyak bilangan bandar, dan bilangan penduduk di bandar semakin meningkat dengan pesat. Rancangan Fizikal Negara ke-4 mensasarkan kadar urbanisasi negara mencapai 85.0 peratus pada tahun 2040. Kadar urbanisasi di Malaysia dianggarkan meningkat kepada 75.5 peratus pada tahun 2022 berbanding 70.9 peratus pada tahun 2010.

Perbelanjaan penggunaan isi rumah di kawasan bandar menunjukkan peningkatan pada kadar 4.2 peratus setahun daripada RM5,007 kepada RM5,675. Manakala, di luar bandar meningkat pada kadar 3.7 peratus setahun daripada RM3,051 kepada RM3,409 bagi tempoh 2019 hingga 2022. Ini menggambarkan perbelanjaan penggunaan isi rumah di kawasan bandar adalah 1.7 kali lebih tinggi daripada perbelanjaan isi rumah di kawasan luar bandar. Peningkatan perbelanjaan di bandar ini juga adalah dalam jajaran yang setara dengan peningkatan pendapatan purata isi rumah iaitu 1.8 kali lebih tinggi (RM9,428) berbanding kawasan luar bandar (RM5,147).

Komposisi mengikut kumpulan perbelanjaan menunjukkan perbezaan dalam keutamaan perbelanjaan sesebuah isi rumah. Di kawasan bandar merekodkan 23.8 peratus untuk perbelanjaan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain. Dalam konteks ini, dapat dilihat pilihan perbelanjaan isi rumah di luar bandar masih tertumpu kepada penyediaan makanan di rumah berbanding isi rumah di kawasan bandar yang mencatatkan peratusan lebih rendah bagi perbelanjaan kumpulan tersebut (15.0%). Selain itu, perbelanjaan makan di luar yang boleh digambarkan melalui perbelanjaan Restoran & perkhidmatan penginapan, jelas lebih tinggi bagi isi rumah di kawasan bandar (16.6%) berbanding isi rumah di kawasan luar bandar (13.4%). Senario pola perbelanjaan di bandar juga telah dipengaruhi oleh perbelanjaan ke atas barangan dan perkhidmatan pilihan pengguna lain seperti Maklumat & komunikasi dan Penjagaan diri, perlindungan sosial & perbagai barangan dan perkhidmatan di **Paparan 5**.

Paparan 5: Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Strata Malaysia, 2019 dan 2022



2.2 PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH MENGIKUT NEGERI

Di peringkat negeri, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata tertinggi direkodkan di W.P. Putrajaya (RM8,897). Lima negeri lain turut mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah melebihi purata nasional (RM5,150) iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM7,823); Selangor (RM6,770); Melaka (RM5,707); Johor (RM5,342) dan Pulau Pinang (RM5,322). Sementara itu, enam negeri melepasi kadar pertumbuhan tahunan perbelanjaan penggunaan purata peringkat nasional iaitu Sabah (5.9%); Melaka (4.5%); Pulau Pinang (4.5%); W.P. Kuala Lumpur dan Sarawak masing-masing (4.0%) dan Pahang (3.8%). W.P. Labuan pula merekodkan kadar pertumbuhan paling rendah iaitu 0.6 peratus **(Carta 19).**

Carta 19: Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Negeri Malaysia, 2019 dan 2022



2.3 PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH MENGIKUT KUMPULAN ETNIK UTAMA

Dapatan survei mendapati terdapat perbezaan dalam corak perbelanjaan mengikut kumpulan etnik utama[2]. Pada 2022, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata bagi Cina (RM6,350) adalah 1.2 lebih tinggi daripada Bumiputera (RM4,773) dan 1.1 lebih tinggi dari India (RM5,546). Dari segi kadar pertumbuhan perbelanjaan isi rumah pula menunjukkan kadar pertumbuhan perbelanjaan bagi India lebih tinggi (4.1%) berbanding Bumiputera (3.6%) dan Cina (2.8%).

Berdasarkan kepada komposisi perbelanjaan, Bumiputera menunjukan pola perbelanjaan yang berlainan berbanding Cina dan India. Bumiputera merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi kumpulan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (21.5%); Makanan & minuman (17.7%) dan Restoran & perkhidmatan penginapan (16.3%). Komposisi perbelanjaan Cina bagi kumpulan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (25.8%); Restoran & perkhidmatan penginapan (15.9%) dan Makanan & minuman (13.8%). Bagi India, perbelanjaan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (24.4%); Restoran & perkhidmatan penginapan (15.9%) dan Makanan & minuman (14.6%).

Era pandemik telah mengubah pola perbelanjaan masyarakat terarah kepada kumpulan Kesihatan. Tiga utama di Malaysia menunjukkan peningkatan kepada komposisi Kesihatan pada tahun 2022 berbanding 2019. India mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 1.2 mata peratus kepada 3.1 peratus berbanding 2019 (1.9%). Bumiputera meningkat kepada 2.6 peratus berbanding 2019 (1.9%) manakala Cina juga meningkat pada tahun 2022 (3.0%) daripada 2019 (2.5%) **(Jadual 11)**.

Jadual 11: Peratusan Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Kumpulan Etnik Utama, Malaysia, 2019 dan 2022

Kumpulan perbelanjaan	Kumpulan Etnik Utama					
	Bumuputera		Cina		India	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Makanan & minuman	18.8	17.7	13.7	13.8	15.3	14.6
Minuman alkohol & tembakau	1.7	1.4	3.0	2.5	2.7	2.5
Pakaian & kasut	3.7	3.1	2.6	2.1	3.0	2.4
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	21.5	21.5	24.9	25.8	24.0	24.4
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	4.6	4.8	4.2	4.5	4.0	4.8
Kesihatan	1.9	2.6	2.5	3.0	1.9	3.1
Pengangkutan	13.9	11.8	13.2	10.8	12.9	10.9
Maklumat & komunikasi	6.8	6.7	6.4	6.3	7.0	6.7
Rekreasi, sukan & kebudayaan	2.6	2.9	3.9	3.5	3.5	3.0
Perkhidmatan pendidikan	1.5	1.3	1.5	1.3	1.5	1.4
Restoran & perkhidmatan penginapan	13.7	16.3	13.6	15.9	13.7	15.9
Insurans & perkhidmatan kewangan	3.1	3.6	4.4	4.6	4.6	4.7
Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan	6.2	6.3	6.1	5.9	5.9	5.6
JUMLAH	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

---

[2] Merujuk kepada isi rumah warganegara Malaysia sahaja

2.4 PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH MENGIKUT SAIZ

Perbelanjaan penggunaan isi rumah meningkat selaras dengan pertambahan saiz isi rumah. Umumnya, lebih ramai ahli isi rumah, maka lebih tinggi tingkat perbelanjaan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan isi rumah tersebut. Secara perbandingan, isi rumah perseorangan membuat perbelanjaan bulanan purata sebanyak RM3,150 berbanding isi rumah yang mempunyai empat dan lebih ahli isi rumah iaitu RM5,837.

Dalam situasi lain, isi rumah masih dapat mengurangkan perbelanjaan ke atas perkara-perkara yang boleh dikongsi seperti perbelanjaan perumahan dan bil utiliti. Dapatan menunjukkan komposisi perbelanjaan isi rumah perseorangan adalah 31.2 peratus ke atas kumpulan perbelanjaan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain. Perbelanjaan semakin berkurang mengikut pertambahan saiz isi rumah kepada 26.8 peratus bagi dua orang, 24.4 peratus bagi tiga orang dan 23.2 peratus bagi empat orang dan lebih.

Jadual 12 menunjukkan isi rumah perseorangan pada tahun 2022 memperuntukkan 15.2 peratus (2019; 15.5%) untuk kumpulan Makanan & minuman manakala isi rumah seramai empat orang dan lebih sebanyak 16.3 peratus (2019; 17.1%). Corak sama berlaku kepada perbelanjaan penggunaan bagi hampir semua kumpulan kecuali Minuman alkohol & tembakau Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain dan Kesihatan.

Jadual 12: Peratusan Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan mengikut Saiz, Malaysia, 2019 dan 2022

Kumpulan perbelanjaan	Saiz isi rumah (orang)							
	Satu		Dua		Tiga		Empat dan lebih	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Makanan & minuman	15.5	15.2	16.8	16.2	16.7	16.4	17.1	16.3
Minuman alkohol & tembakau	2.3	2.1	2.4	1.9	2.4	2.0	2.2	1.8
Pakaian & kasut	2.5	2.2	2.5	2.4	2.7	2.5	3.7	2.7
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	31.7	31.2	27.5	26.8	24.3	24.4	21.1	23.2
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	3.9	4.5	4.3	4.8	4.5	4.8	4.4	4.7
Kesihatan	2.5	3.2	2.6	3.2	2.1	2.8	1.9	2.8
Pengangkutan	11.2	9.7	12.6	10.9	13.4	11.2	13.8	11.3
Maklumat & komunikasi	5.6	5.9	6.1	6.1	6.7	6.6	6.8	6.7
Rekreasi, sukan & kebudayaan	2.7	2.7	3.0	2.8	2.9	2.8	3.1	3.0
Perkhidmatan pendidikan	0.2	0.1	0.5	0.2	1.1	0.9	2.0	1.3
Restoran & perkhidmatan penginapan	14.0	14.8	13.0	15.2	13.7	16.0	13.9	16.1
Insurans & perkhidmatan kewangan	2.6	3.5	3.2	3.9	3.5	3.8	3.7	4.0
Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan	5.3	4.9	5.5	5.6	6.0	5.8	6.3	6.1
JUMLAH	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

2.5 PERBELANJAAN PENGGUNAAN MENGIKUT KUMPULAN UMUR KETUA ISI RUMAH

Di Malaysia, secara purata isi rumah dalam kumpulan umur 34 tahun dan ke bawah berbelanja (2022; RM4,675, 2019; RM4,104), lebih rendah daripada isi rumah dalam kumpulan umur 35 hingga 64 tahun (2022; RM5,504, 2019; RM4,939). Manakala, isi rumah dalam kumpulan umur 65 dan ke atas berbelanja secara purata sebanyak (2022; RM3,940, 2019; RM3,564).

Dari segi komposisi perbelanjaan isi rumah dalam kumpulan umur 65 dan ke atas mencatatkan perbelanjaan yang tertinggi bagi kumpulan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (2022; 26.3%, 2019; 27.7%). Kumpulan Makanan & minuman pada tahun 2022 dan 2019 kekal mencatatkan 19.4 peratus. Isi rumah dalam kumpulan umur 35 hingga 64 tahun mencatatkan perbelanjaan pada kumpulan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (2022; 22.8%, 2019; 22.6%); kumpulan Makanan & minuman (2022; 15.9%, 2019; 16.5%). Bagi isi rumah berumur 34 ke bawah, komposisi untuk kumpulan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (2022; 23.0%, 2019; 23.4%); Makanan & minuman (2022; 16.6%, 2019; 17.3%). Sebaliknya, bagi perbelanjaan Restoran & perkhidmatan penginapan yang sering dikaitkan dengan makan di luar rumah, kumpulan isi rumah yang berumur 34 dan ke bawah menunjukkan komposisi tertinggi (17.4%), diikuti isi rumah 35 hingga 64 (16.2%). Isi rumah berumur 65 dan ke atas pula berbelanja 13.0 peratus ke atas kumpulan perbelanjaan ini.

Dari segi perbelanjaan Pengangkutan pula, komposisi tertinggi dicatatkan oleh isi rumah berumur 35 hingga 64 (2022; 11.5%, 2019; 13.7%) diikuti oleh isi rumah berumur 34 dan ke bawah (2022; 11.1%, 2019; 13.0%) manakala isi rumah berumur 65 dan ke atas pula membelanjakan (2022; 10.4%, 2019; 12.0%). Perbezaan agak ketara juga bagi perbelanjaan Kesihatan pada tahun 2022 berbanding 2019 untuk semua kumpulan umur. Isi rumah berumur 65 dan ke atas memperuntukkan (2022; 4.0%, 2019; 3.2%) ke atas perbelanjaan ini, berbanding isi rumah berumur 34 dan ke bawah (2022; 2.7%, 2019; 1.9%) dan isi rumah 35 hingga 64 (2022; 2.6%; 2019; 2.0%). Begitu juga dengan perbelanjaan Pendidikan yang mana isi rumah 35 hingga 64 memperuntukkan (2022; 1.5%, 2019; 1.7%), diikuti isi rumah dalam kumpulan umur 34 dan ke bawah (2022; 0.9%, 2019; 1.1%) dan isi rumah kumpulan umur 65 tahun dan ke atas kekal mencatatkan 0.5 peratus. Ini menunjukkan keperluan isi rumah adalah berbeza mengikut kumpulan umur **(Paparan 6)**.

Paparan 6: Peratusan Perbelanjaan Penggunaan Bulanan mengikut Kumpulan Umur Ketua Isi Rumah, Malaysia, 2019 dan 2022



2.6 PERBELANJAAN PENGGUNAAN MENGIKUT KUMPULAN ISI RUMAH

Di Malaysia, isi rumah[3] dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu Terendah 40% (B40), Pertengahan 40% (M40) dan Tertinggi 20% (T20). Kumpulan isi rumah B40 merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM5,250 sebulan. Isi rumah yang berpendapatan di antara RM5,250 hingga RM11,819 diklasifikasikan sebagai kumpulan isi rumah M40 manakala T20 adalah kumpulan isi rumah yang berpendapatan RM11,820 dan lebih.

Perbelanjaan penggunaan dapat dibahagikan kepada tiga kategori barangan iaitu keperluan asas, keperluan asas lain dan pilihan. Bagi barangan keperluan asas, kumpulan B40 membuat perbelanjaan yang paling tinggi dengan (71.6%) berbanding kumpulan M40 (67.0%) dan kumpulan T20 (64.0%).

Berbeza pula dengan perbelanjaan ke atas kategori barangan keperluan asas lain di mana kumpulan M40 merekodkan 13.9% berbanding kumpulan T20 (13.3%) dan B40 (12.7%). Bagi barangan pilihan pula, kumpulan T20 mendominasi perbelanjaan sebanyak 22.7%, manakala kumpulan M40 (19.1%) dan B40 (15.8%) **(Paparan 7)**.

Kesimpulannya, kumpulan T20 dan M40 agak bebas menentukan pola perbelanjaan mengikut pilihan berbanding kumpulan B40 yang terpaksa memperuntukkan perbelanjaan ke atas keperluan asas kerana kekangan pendapatan.

Paparan 7: Peratus Perbelanjaan Penggunaan Bulanan mengikut Kumpulan Isi Rumah, Malaysia, 2022



Nota: Paparan adalah berdasarkan pembundaran secara bebas

D. BARANGAN POPULAR MENGIKUT KUMPULAN UTAMA

Pola perbelanjaan dapat dilihat mengikut populariti sesuatu barangan. Barangan popular merujuk kepada barangan dengan peratusan isi rumah yang berbelanja tertinggi dalam kumpulan utama terpilih. Populariti barangan ini disebabkan antaranya oleh barangan asas serta gaya hidup dan ketersediaan barangan tersebut.

---

[3] Merujuk kepada isi rumah warganegara Malaysia sahaja

Bagi pola perbelanjaan kumpulan Makanan & minuman, dapatan survei menunjukkan 97.1 peratus isi rumah berbelanja beras pada tahun 2022. Ini diikuti oleh ayam seekor (86.8%), roti putih (83.7%) dan minyak masak (83.6%).

Perbelanjaan kepada kumpulan Kesihatan menjadi tumpuan kerana merupakan perbelanjaan penting yang dilakukan pada era pandemik. Bagi kumpulan ini, pelitup muka merupakan item paling tinggi dibelanjakan sebanyak 54.1 peratus disebabkan pelitup muka masih wajib dipakai di kawasan awam pada ketika ini. Perbelanjaan kedua tertinggi adalah kepada perkhidmatan untuk klinik swasta (48.2%), diikuti oleh bayaran perubatan hospital/ klinik kerajaan (42.5%) manakala sebanyak 32.1 peratus isi rumah berbelanja ke atas cecair pembasmi kuman. Keempat-empat item ini merupakan item popular yang dibelanjakan oleh isi rumah sepanjang tahun 2022.

Kumpulan perbelanjaan Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah yang lebih bersifat pilihan kepada pengguna mempunyai populariti yang lebih rendah berbanding barang keperluan asas. Jam dinding mendominasi pembelian isi rumah dengan merekodkan 36.5 peratus diikuti oleh permaidani (34.8%). Dua lagi barangan popular adalah tuala, tuala muka (32.6%) dan sejadah (25.7%).

Seterusnya, bagi kumpulan perbelanjaan Rekreasi, sukan & kebudayaan menunjukkan peratusan tertinggi isi rumah berbelanja direkodkan ke atas tiket panggung wayang dengan 22.2 peratus. Isi rumah yang berbelanja tiket wayang mempunyai kecenderungan untuk berbelanja ke atas makanan dan minuman yang dijual di panggung wayang di mana item berkenaan merekodkan perbelanjaan sebanyak 14.4 peratus. Selain itu, makanan kucing dan pen mata bola juga turut tersenarai sebagai item popular dengan masing-masing 12.7 peratus dan 12.6 peratus. Corak perbelanjaan isi rumah Malaysia seperti di **Paparan 8**.

Paparan 8: Barangan popular bagi kumpulan utama terpilih, Malaysia, 2022



E. KECENDERUNGAN MENGGUNA MARGINAL

Dari sudut lain, analisis ini juga melihat kepada Kecenderungan Mengguna Marginal (MPC) isi rumah. MPC merupakan salah satu ukuran untuk melihat bagaimana perbelanjaan isi rumah bertindak balas terhadap perubahan dalam pendapatan boleh guna. Bagi mengenal pasti perubahan dalam pola perbelanjaan isi rumah, pengetahuan tentang tindak balas isi rumah terhadap perubahan pendapatan dan tahap pendapatan adalah diperlukan. Nilai MPC merupakan nisbah antara perubahan perbelanjaan dibandingkan dengan perubahan pendapatan. Berdasarkan survei, nilai MPC pada 2022 adalah 0.96 (2019: 0.66) iaitu bermaksud isi rumah akan berbelanja secara purata RM0.96 daripada pertambahan RM1.00 dalam pendapatan. Dalam maksud yang lain, 96 peratus daripada pertambahan pendapatan akan digunakan untuk menambahkan perbelanjaan penggunaan.

F. PERBELANJAAN KUMPULAN KESIHATAN

Mengikut takrifan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)[4] kesihatan didefinisikan sebagai satu keadaan merangkumi kesihatan secara fizikal, mental dan sosial dan tidak hanya ketiadaan penyakit Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)[4]. Peningkatan komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bagi kumpulan Kesihatan dapat dilihat sejak tahun 2014 (1.6%), meningkat pada tahun 2016 (1.9%), meningkat pada tahun 2019 (2.1%) dan seterusnya meningkat 0.6 mata peratus pada tahun 2022 kepada 2.7 peratus **(Jadual 13)**.

Jadual 13: Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata bagi Kesihatan, Malaysia, 2014 - 2022

Kumpulan Perbelanjaan	2014	2016	2019	2022
Kesihatan	1.6	1.9	2.1	2.7

Kerajaan melalui Bajet 2022 telah memperuntukkan hampir RM32.4 bilion bagi perkhidmatan kesihatan iaitu peningkatan sebanyak 10.1 peratus berbanding tahun 2019 dalam mengutamakan aspek kesihatan awam bagi membina daya tahan negara dalam persediaan ke fasa endemik COVID-19.

Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan yang digunakan secara kolektif oleh masyarakat ini secara tidak langsung menyumbang kepada penjimatan ke atas perbelanjaan terhadap kesihatan oleh isi rumah. Walau bagaimanapun, kesedaran penduduk mengenai kepentingan gaya hidup sihat mendorong kepada peningkatan perbelanjaan kesihatan.

Perbelanjaan kumpulan Kesihatan jika dilihat dari segi kadar pertumbuhan tahunan seperti di **Carta 20**, meningkat dalam tempoh 2019 hingga 2022, ianya menurun berbanding dari tempoh 2016 hingga 2019. Peningkatan kos penjagaan kesihatan berkaitan pandemik COVID-19 adalah faktor utama kenaikan ini. Selain itu, kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kesihatan juga turut menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan dalam kumpulan ini.

Carta 20: Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata bagi Kumpulan Perbelanjaan Kesihatan, Malaysia, 2016 - 2022



G. PERBELANJAAN BUKAN PENGGUNAAN

Perbelanjaan bukan penggunaan merujuk kepada pembayaran dalam bentuk pindahan seperti cukai pendapatan, caruman keselamatan sosial, bayaran wajib & denda, pemberian kepada isi rumah lain dan termasuk bayaran balik pinjaman. Pembayaran ini adalah diliputi dalam kumpulan perbelanjaan bukan penggunaan isi rumah (kumpulan 90) dan boleh dibahagikan kepada bayaran pindahan, perbelanjaan ke atas pembentukan modal tetap dan perolehan aset kewangan. Agihan perbelanjaan isi rumah pada 2019 dan 2022 adalah seperti **Jadual 14**.

---

[4] Tang, C.F., & Lai, Y.W. (2011). *The Causal Relationship between Health and Education Expenditure in Malaysia. Theoretical and Applied Economics, 61-74.*

Jadual 14: Perbelanjaan Bukan Penggunaan, Malaysia, 2019 dan 2022

Perkara	2019	2022
Perbelanjaan penggunaan (RM)	**4,532**	**5,150**
Perbelanjaan penggunaan (%)	64.9	65.1
Perbelanjaan bukan penggunaan (RM)	**2,451**	**2,760**
Bayaran pindahan (%)	13.0	12.6
Modal dan perolehan aset kewangan (%)	22.1	22.3
Perbelanjaan isi rumah (RM)	**6,983**	**7,910**

H. SIRI MASA

1. TREND PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH KE ATAS KEPERLUAN ASAS DAN PILIHAN

Corak perbelanjaan isi rumah di Malaysia telah berubah dalam tempoh 1980 hingga 2019. Komposisi perbelanjaan isi rumah ke atas barangan terpilih seperti restoran, hotel, rekreasi, kebudayaan dan pelbagai barangan dan secara relatifnya telah meningkat dengan ketara berbanding keperluan asas seperti makanan di rumah, pakaian, perumahan dan utiliti. Komposisi perbelanjaan isi rumah ke atas barangan terpilih meningkat sebanyak 1.5 mata peratusan daripada 23.7 peratus pada tahun 1998 kepada 25.2 peratus pada 2022. Sementara itu, komposisi perbelanjaan isi rumah untuk keperluan asas menurun sebanyak 6.0 mata peratusan daripada 48.2 peratus pada tahun 1998 kepada 42.2 peratus pada 2022 seperti dalam **Jadual 15**.

Keupayaan kuasa beli pengguna penting dalam pengukuhan ekonomi negara. Peranan kerajaan turut penting dalam menentukan kuasa beli pengguna dengan mengawal harga barangan serta mengekalkan barangan bersubsidi. Bantuan daripada kerajaan kepada rakyat turun memainkan peranan dalam peningkatan perbelanjaan terhadap keperluan isi rumah.

Jadual 15: Siri Masa Peratusan Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan bagi Barangan Keperluan Asas dan Pilihan, Malaysia, 1998, 2004, 2019 dan 2022

Barangan	Tahun			
	1998	2004	2019	2022
Keperluan Asas	48.2	44.8	43.4	42.2
Pilihan	23.7	24.2	22.8	25.2

2. PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH DAN INDEKS HARGA PENGGUNA

Perbelanjaan penggunaan isi rumah turut dipengaruhi oleh harga barangan dan perkhidmatan. Secara umumnya, jika harga sesuatu barangan meningkat, permintaan barangan tersebut akan berkurang kerana pengguna cenderung membeli barang pengganti lain. Di Malaysia, tingkat harga barangan diukur menggunakan Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP mencerminkan kenaikan purata dalam harga dengan andaian bahawa wujudnya keseragaman dalam corak perbelanjaan seluruh isi rumah dengan mengandaikan kuantiti serta kualiti barangan dan perkhidmatan dalam bakul penggunaan tidak berubah.

Kadar pertumbuhan tahunan bagi perbelanjaan penggunaan isi rumah meningkat sebanyak 3.7 peratus setahun daripada RM4,609 (2019) kepada RM5,150 (2022). Aliran yang sama boleh dilihat daripada perubahan inflasi. Kadar inflasi pada tahun 2022 adalah pada 3.3 peratus yang mana lebih tinggi berbanding pada tahun 2016 (2.1%) dan pada tahun 2019 (0.7%) **(Carta 21)**.

Carta 21: Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR) bagi Purata Perbelanjaan Penggunaan dan Kadar Inflasi, Malaysia, 2016 - 2022



BAHAGIAN 3

STATISTIK PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN

2022

INTISARI

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

A. PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK)

1. PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) MAKANAN 2022

PGK makanan merujuk kepada kos minimum dalam memenuhi keperluan kalori harian setiap individu dengan mengambil kira makanan seimbang dan berkhasiat berdasarkan Piramid Makanan Malaysia (PMM) 2020. Dapatan PGK Makanan Malaysia tahun 2022 adalah berdasarkan sumber daripada Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2022 yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Melalui dapatan survei ini, item makanan popular bagi setiap negeri dan strata telah dikenal pasti dan bilangan sajian harian berdasarkan item ini dikemas kini oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Seterusnya, harga bagi setiap item ditentukan berdasarkan pengumpulan harga yang dijalankan secara berkala oleh DOSM.

Jadual 16: Kos Makanan mengikut Keperluan Nutrisi bagi Kumpulan Isi Rumah 20 Peratus Terendah (B20), mengikut Strata, Malaysia, 2022

Jantina	Umur	Keperluan Kalori (kcal)	Strata (RM)	
			Bandar	Luar Bandar
Bayi (Lelaki)	6-8 bulan	570-680	25.11	23.55
Bayi (Perempuan)	6-8 bulan	570-680	25.11	23.55
Bayi (Lelaki)	9-11 bulan	660-720	36.58	34.76
Bayi (Perempuan)	9-11 bulan	660-720	36.58	34.76
Kanak-kanak (Lelaki)	1-3 tahun	980	139.29	128.71
Kanak-kanak (Perempuan)	1-3 tahun	900	139.29	128.71
Kanak-kanak (Lelaki)	4-6 tahun	1,300	204.27	187.15
Kanak-kanak (Perempuan)	4-6 tahun	1,210	162.07	145.28
Kanak-kanak (Lelaki)	7-9 tahun	1,750	277.63	261.21
Kanak-kanak (Perempuan)	7-9 tahun	1,610	237.14	222.45
Remaja (Lelaki)	10-12 tahun	1,930	282.76	268.85
Remaja (Perempuan)	10-12 tahun	1,710	280.27	266.30
Remaja (Lelaki)	13-15 tahun	2,210	332.04	323.88
Remaja (Perempuan)	13-15 tahun	1,810	310.74	295.20
Remaja (Lelaki)	16-<18 tahun	2,340	376.51	371.90
Remaja (Perempuan)	16-<18 tahun	1,890	310.97	295.44
Dewasa (Lelaki)	18-29 tahun	2,240	310.12	294.55
Dewasa (Perempuan)	18-29 tahun	1,840	297.21	288.48
Dewasa (Lelaki)	30-59 tahun	2,190	310.12	294.55
Dewasa (Perempuan)	30-59 tahun	1,900	280.12	264.55
Warga Emas (Lelaki)	≥60 tahun	2,030	297.21	281.34
Warga Emas (Perempuan)	≥60 tahun	1,770	277.21	261.34

Nota: Bagi bayi berumur 6-8 bulan dan 9-11 bulan, kos keperluan nutrisi sama memandangkan sebahagian keperluan nutrisi adalah daripada susu ibu

Jumlah perbelanjaan makanan mengikut nutrisi adalah berbeza berdasarkan kumpulan umur, jantina dan strata. Perbezaan antara jantina berlaku disebabkan oleh keperluan kalori bagi lelaki yang lebih berbanding perempuan. Dari segi kumpulan umur, kos makanan yang tinggi direkodkan pada kumpulan umur 18-29 tahun bagi lelaki manakala 30-59 tahun bagi wanita. Perbelanjaan makanan yang berbeza juga adalah disebabkan faktor perbezaan harga mengikut strata. Perincian kos makanan adalah seperti di **Jadual 16**.

Pengemaskinian yang telah dilakukan oleh KKM pada tahun 2022 menyarankan agar pengambilan nutrien dalam pelbagai variasi melibatkan pemilihan buah telah menyebabkan penurunan kos item buah. Sebagai contoh pada tahun 2019, pemilihan di peringkat Malaysia melibatkan satu jenis buah sahaja iaitu buah epal (130g) sebiji. Namun begitu, pada tahun 2022 KKM telah memperkenalkan kepelbagaian variasi dalam pemilihan buah di peringkat Malaysia iaitu tembikai merah (250g) dan pisang mas (60g). Maka, pilihan variasi buah yang disarankan oleh KKM ini telah mewujudkan perbezaan kos di antara tahun 2019 dan 2022. **Jadual 17** menunjukkan contoh perbandingan kepelbagaian buah yang disyorkan KKM pada tahun 2022 bagi kanak-kanak lelaki berumur 7-9 tahun dan remaja lelaki berumur 10-12 tahun di peringkat Malaysia bagi strata bandar.

Jadual 17: Pengambilan Sajian Buah Terpilih berdasarkan Saranan KKM Peringkat Malaysia, 2019 dan 2022

2019			2022		
Jantina (Umur)	Item Makanan	Kuantiti Item Makanan Sebulan	Jantina (Umur)	Item Makanan	Kuantiti Item Makanan Sebulan
Lelaki (7-9 tahun) 1,750 kcal	Epal (130g sebiji)	60 biji	Lelaki (7-9 tahun) 1,750 kcal	Tembikai merah (250g)	30 potong
				Pisang mas (60g)	30 biji
Lelaki (10-12 tahun) 1930 kcal	Epal (130g sebiji)	60 biji	Lelaki (10-12 tahun) 1930 kcal	Tembikai merah (250 g)	30 potong
				Pisang mas (60g)	30 biji

Pengemaskinian oleh KKM menyumbang kepada perubahan bilangan sajian pada tahun 2022. Sebagai contoh, kumpulan umur 18-29 tahun lelaki telah menjadi 5 sajian pada 2022 berbanding 6 sajian pada 2019 **(Jadual 18)**. **Jadual 19** menunjukkan bilangan hidangan harian setiap kumpulan makanan yang disarankan oleh KKM mengikut keperluan kalori.

Jadual 18: Sajian Kumpulan Makanan Bijirin Terpilih berdasarkan Saranan KKM

Jantina (umur)	Kumpulan Makanan	Bilangan Sajian Sehari (Berdasarkan Kumpulan Makanan)	
		2019	2022
Dewasa			
Lelaki (18-29 tahun) 2240 kcal	Nasi/ mi/ roti/ bijirin	6.0	5.0
Perempuan (18-29 tahun) 1840 kcal		4.5	5.0
Lelaki (30-59 tahun) 2190 kcal		5.5	5.0
Perempuan (30-59 tahun) 1900 kcal		4.5	5.0
Warga Emas			
Lelaki (≥60 tahun) 2030 kcal	Nasi/ mi/ roti/ bijirin	5.5	5.0
Perempuan (≥60 tahun) 1770 kcal		4.5	4.0

Jadual 19: Bilangan Hidangan Harian yang Disarankan untuk Setiap Kumpulan Makanan

Kumpulan Makanan	Bilangan Hidangan yang Disarankan		
	1,500 kcal	1,800 kcal	2,000 kcal
Sayur-sayuran	≥ 3.0	≥ 3.0	≥ 3.0
Buah-buahan	2.0	2.0	2.0
Nasi, lain-lain bijirin, produk makanan berasaskan bijirin penuh dan ubi -ubian	3.0	4.0	5.0
Ayam / Daging / Telur	1.0	1.0	2.0
Ikan	1.0	1.0	1.0
Legum (gabungan kacang, lentil dan soya)	1.0	1.0	1.0
Susu dan produk tenusu	2.0	2.0	2.0
Lemak / minyak (termasuk 1 hidangan daripada kacang dan biji-bijian)	6.0	8.0	9.0
Gula	1.0	1.0	2.0

Sumber : Malaysian Dietary Guidlines (2020)

2. PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) BUKAN MAKANAN 2022

PGK bukan makanan merujuk kepada keperluan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah dengan mengambil kira barangan dan perkhidmatan asas serta aspek kualiti hidup merangkumi pakaian, perumahan, barang tahan lama, pengangkutan dan barang bukan makanan lain. Seterusnya, pemilihan dan penentuan item bagi kumpulan bukan makanan tersebut adalah berdasarkan kepada pola perbelanjaan keperluan asas bagi kumpulan isi rumah 20 peratus terendah (B20) yang diperoleh melalui Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) 2022. Penentuan item ini adalah selari dengan pendekatan Ravallion (1998) yang mencadangkan pemilihan item dibuat dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah. Oleh itu, sebanyak 146 item bukan makanan telah dikenal pasti berdasarkan metodologi 2019 bagi mewakili keperluan isi rumah dari sudut bukan makanan.

Beta, β adalah nilai pemalar dan merupakan jumlah kos yang diperlukan oleh seseorang ahli isi rumah bagi mendapatkan dan memiliki seunit item bukan makanan apabila isi rumah berada di lokasi rujukan (Kuala Lumpur). Namun begitu bagi kumpulan perumahan, konsep *economies of scale* diguna pakai untuk menggambarkan keperluan sebenar perbelanjaan perumahan bagi setiap ahli isi rumah.

$$\beta_i = \frac{\sum_{j=1}^{M} P_{j,i}X_{j,i}}{\sum_{j=1}^{M} N_{j,i}P_{j,i}}$$

$\sum_{j=1}^{M} P_{j,i}X_{j,i}$	Jumlah perbelanjaan sebenar isi rumah mengikut item (kumpulan utama dua digit)
$\sum_{j=1}^{M} N_{j,i}P_{j,i}$	Jumlah bilangan ahli isi rumah didarabkan harga relatif item (wajaran)

Jadual 20: Pemalar Kumpulan Bukan Makanan, Malaysia, 2019 dan 2022

ITEM	2019 (RM)	2022 (RM)
Pakaian	20.64	27.74
Perumahan	256.76	458.49
Barangan Tahan Lama	11.35	7.52
Pengangkutan	46.44	73.48
Barangan bukan Makanan Lain	120.12	175.85

Pemalar kumpulan pakaian meningkat daripada RM20.64 (2019) kepada RM27.74 (2022). Seterusnya, pemalar bagi kumpulan perumahan turut meningkat daripada RM256.76 pada tahun 2019 kepada RM458.49 pada tahun 2022. Pemalar bagi kumpulan barang tahan lama menunjukkan trend menurun daripada RM11.35 (2019) kepada RM7.52 (2022). Di samping itu, pemalar bagi kumpulan pengangkutan pada tahun 2019 dan 2022 masing-masing adalah RM46.44 dan RM73.48 menunjukkan peningkatan. Kumpulan barangan bukan makanan lain turut meningkat daripada RM120.12 (2019) kepada RM175.85 (2022) **(Jadual 20).**

PGK bukan makanan adalah hasil darab di antara nilai pemalar *β*, bilangan dan saiz isi rumah (*N)* dan harga relatif kumpulan bukan makanan (*P)*. Pengiraan PGK bukan makanan adalah seperti formula berikut:

$$PLI_{j,i} = \beta_i N_j P_{j,i}$$

β	Pemalar. Jumlah wang yang diperlukan bagi membeli item jika IR tinggal di Kuala Lumpur
N	Saiz isi rumah
P	Harga relatif item mengikut lokaliti

B. INSIDEN KEMISKINAN 2022

1. PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) 2022

Semua negeri mengalami peningkatan nilai purata PGK pada tahun 2022 berbanding 2019 kecuali W.P. Labuan. Peningkatan ini didorong oleh PGK makanan dan PGK bukan makanan yang turut menunjukkan trend menaik. Negeri yang mempunyai purata PGK tertinggi adalah Selangor dengan nilai purata RM2,830 (2022) berbanding RM2,022 (2019). Sementara itu, Perlis merupakan negeri yang mempunyai purata PGK terendah dengan RM2,140 (2022) berbanding RM1,967 (2019).

Jadual 21: Purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) mengikut Negeri dan Strata, Malaysia, 2019 dan 2022

Negeri	Bandar (RM)		Luar Bandar (RM)		Keseluruhan (RM)	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Malaysia	**2,210**	**2,660**	**2,199**	**2,342**	**2,208**	**2,589**
Johor	2,517	2,665	2,455	2,481	2,505	2,627
Kedah	2,267	2,303	2,218	2,206	2,254	2,271
Kelantan	2,158	2,415	2,119	2,199	2,139	2,297
Melaka	2,387	2,721	2,140	2,122	2,375	2,670
Negeri Sembilan	2,138	2,617	1,930	1,876	2,088	2,402
Pahang	2,344	2,675	2,146	2,235	2,270	2,480
Pulau Pinang	1,974	2,258	2,379	2,136	1,989	2,250
Perak	2,089	2,332	2,025	2,199	2,077	2,297
Perlis	2,012	2,199	1,871	2,069	1,967	2,140
Selangor	2,029	2,848	1,901	2,421	2,022	2,830
Terengganu	2,520	2,799	2,477	2,662	2,507	2,751
Sabah	2,506	2,706	2,589	2,795	2,537	2,742
Sarawak	2,243	2,860	1,979	2,263	2,131	2,618
W.P. Kuala Lumpur	2,216	2,816	n.a	n.a	2,216	2,816
W.P. Labuan	2,627	2,606	2,684	2,196	2,633	2,576
W.P. Putrajaya	2,128	2,450	n.a	n.a	2,128	2,450

Saiz isi rumah merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi nilai PGK. Isi rumah yang mempunyai bilangan ahli yang ramai memerlukan lebih perbelanjaan untuk item makanan dan bukan makanan bagi mencapai taraf hidup yang sihat dan selesa. Oleh itu, saiz isi rumah menyebabkan perbezaan terhadap nilai purata PGK makanan dan bukan makanan. Perbandingan purata PGK bagi 2019 dan 2022 adalah seperti di **Carta 22**.

Carta 22: Purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan, Bukan Makanan dan Keseluruhan mengikut Saiz Isi Rumah Malaysia, 2019 dan 2022



2. PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) MAKANAN

Secara umumnya, PGK makanan merujuk kepada pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan. Isi rumah yang berpendapatan di bawah PGK makanan dikategorikan sebagai miskin tegar.

Purata PGK makanan di Malaysia pada tahun 2022 ialah RM1,198 berbanding RM1,169 (2019), meningkat sebanyak RM29 dengan kadar pertumbuhan tahunan 0.8 peratus. Terengganu mencatatkan purata PGK makanan tertinggi dengan nilai RM1,367 (2022) berbanding RM1,312 (2019) diikuti oleh Sarawak dan Selangor dengan nilai purata PGK makanan masing-masing adalah RM1,298 dan RM1,274. Dalam pada itu, negeri yang mempunyai nilai purata PGK makanan terendah pula adalah Pulau Pinang dengan nilai RM1,036 (2022) diikuti Perak dan W.P. Kuala Lumpur (RM1,084 dan RM1,109).

Purata PGK makanan di kawasan bandar meningkat kepada RM1,197 (2022) berbanding RM1,176 (2019) dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 0.6 peratus. Di luar bandar, purata PGK makanan meningkat kepada RM1,199 (2022) berbanding RM1,142 (2019) dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.6 peratus.

Jadual 22: Purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan mengikut Negeri dan Strata, Malaysia, 2019 dan 2022

Negeri	Bandar (RM)		Luar Bandar (RM)		Keseluruhan (RM)	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Malaysia	**1,176**	**1,197**	**1,142**	**1,199**	**1,169**	**1,198**
Johor	1,267	1,143	1,257	1,232	1,265	1,161
Kedah	1,219	1,109	1,201	1,253	1,214	1,156
Kelantan	1,184	1,193	1,177	1,199	1,181	1,196
Melaka	1,289	1,251	1,070	1,171	1,279	1,244
Negeri Sembilan	1,241	1,240	1,136	1,006	1,216	1,173
Pahang	1,265	1,250	1,093	1,145	1,201	1,204
Pulau Pinang	993	1,022	1,281	1,214	1,004	1,036
Perak	1,118	1,066	1,035	1,136	1,102	1,084
Perlis	1,176	1,145	1,042	1,132	1,133	1,139
Selangor	1,171	1,274	1,074	1,262	1,166	1,274
Terengganu	1,312	1,352	1,311	1,394	1,312	1,367
Sabah	1,160	1,180	1,209	1,275	1,179	1,218
Sarawak	1,160	1,420	1,009	1,119	1,096	1,298
W.P. Kuala Lumpur	1,110	1,109	n.a	n.a	1,110	1,109
W.P. Labuan	1,318	1,265	1,328	1,301	1,319	1,268
W.P. Putrajaya	1,074	1,206	n.a	n.a	1,074	1,206

3. PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) BUKAN MAKANAN

Purata PGK bukan makanan meningkat daripada RM1,038 (2019) kepada RM1,392 (2022). Secara keseluruhan, semua negeri merekodkan peningkatan purata PGK bukan makanan berbanding tahun 2019 kecuali W.P. Labuan. Pada 2022, negeri yang mencatatkan PGK tertinggi bagi bukan makanan adalah W.P. Kuala Lumpur mencatatkan RM1,707, Selangor RM1,556, dan Sabah RM1,524. Manakala negeri dengan PGK terendah bagi bukan makanan adalah Perlis (RM1,001), Kelantan (RM1,101) dan Kedah (RM1,115).

Purata PGK bukan makanan bagi bandar pada tahun 2019 dan 2022 masing-masing merekodkan RM1,034 dan RM1,463. Manakala, purata PGK bukan makanan bagi luar bandar pada tahun 2019 dan 2022 masing-masing mencatatkan RM1,057 dan RM1,143.

Jadual 23: Purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Bukan Makanan mengikut Negeri dan Strata, Malaysia, 2019 dan 2022

Negeri	Bandar (RM)		Luar Bandar (RM)		Keseluruhan (RM)	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Malaysia	**1,034**	**1,463**	**1,057**	**1,143**	**1,038**	**1,392**
Johor	1,251	1,522	1,198	1,249	1,240	1,465
Kedah	1,048	1,193	1,017	953	1,040	1,115
Kelantan	973	1,222	943	1,000	959	1,101
Melaka	1,098	1,471	1,070	951	1,097	1,426
Negeri Sembilan	897	1,376	794	870	872	1,230
Pahang	1,078	1,425	1,053	1,090	1,069	1,276
Pulau Pinang	981	1,236	1,098	923	985	1,213
Perak	972	1,265	990	1,063	975	1,213
Perlis	836	1,054	829	936	833	1,001
Selangor	858	1,573	826	1,159	856	1,556
Terengganu	1,208	1,447	1,166	1,267	1,195	1,383
Sabah	1,345	1,526	1,379	1,521	1,358	1,524
Sarawak	1,083	1,440	970	1,144	1,035	1,320
W.P. Kuala Lumpur	1,107	1,707	n.a	n.a	1,107	1,707
W.P. Labuan	1,309	1,340	1,356	896	1,314	1,308
W.P. Putrajaya	1,054	1,244	n.a	n.a	1,054	1,244

C. ANALISIS TREND KEMISKINAN DI MALAYSIA

Sepanjang tempoh 1970 hingga 2022, PGK telah dikaji semula sebanyak dua kali pada tahun 2005 dan 2019 untuk memastikan pengukurannya relevan dengan mengambil kira situasi semasa isi rumah **(Carta 23).**

Carta 23: Siri Masa Nilai PGK dan Insiden Kemiskinan Mutlak, Malaysia, 1970 - 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: *Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan, 2020

Insiden kemiskinan mutlak Malaysia mengalami trend penurunan daripada 49.3 peratus (1970) kepada 0.4 peratus (2016). Pada tahun 2016, insiden kemiskinan mutlak berada pada paras terendah yang pernah dicatatkan oleh negara. Namun begitu, kajian semula terhadap PGK menyaksikan insiden kemiskinan mutlak negara dikemas kini kepada 7.6 peratus pada tahun 2016 berdasarkan metodologi PGK 2019. Seterusnya, kemiskinan mutlak turun kepada 5.6 peratus (2019) sebelum meningkat kepada 8.4 peratus (2020). Peningkatan ini adalah kesan daripada penularan COVID-19 yang melanda negara bahkan dunia. Pada tahun 2022, pembukaan semula dan pemulihan sektor ekonomi telah menyebabkan penurunan insiden kemiskinan mutlak kepada 6.2 peratus. Walaupun purata PGK meningkat dari tahun 2019, insiden kemiskinan mutlak menunjukkan trend menurun.

1. INSIDEN KEMISKINAN MUTLAK 2022

Berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020, insiden kemiskinan mutlak di Malaysia mencatatkan kadar 8.4 peratus pada tahun 2020 berbanding 5.6 peratus pada tahun 2019 kesan daripada penutupan ekonomi. Insiden kemiskinan kemudiannya bertambah baik kepada 6.2 peratus pada tahun 2022. Penurunan insiden kemiskinan mutlak yang direkodkan pada tahun 2022 sebahagiannya adalah kesan daripada pembukaan dan pemulihan ekonomi. Pada tahun 2022, Sabah (19.7%) merupakan negeri dengan insiden kemiskinan mutlak tertinggi manakala W.P. Putrajaya (0.1%) mempunyai kadar kemiskinan mutlak yang terendah. Negeri yang merekodkan insiden kemiskinan mutlak melebihi nasional antaranya adalah Pahang (6.3%), Perak (7.5%) dan Sarawak (10.8%).

Carta 24: Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Negeri, Malaysia, 2019 dan 2022



Purata saiz isi rumah nasional pada tahun 2019 adalah 3.9 ahli isi rumah manakala pada tahun 2022 adalah 3.8 ahli isi rumah. Seterusnya, purata saiz isi rumah miskin mutlak nasional pada tahun 2019 dan 2022 masing-masing adalah 5.6 ahli isi rumah dan 5.3 ahli isi rumah. Pada tahun 2019, Terengganu merupakan negeri yang mempunyai purata saiz isi rumah miskin mutlak terbesar iaitu 6.3 ahli isi rumah dengan purata PGK sebanyak RM2,507.

Jadual 24: Purata Saiz Isi Rumah Keseluruhan, Miskin Mutlak dan Purata PGK mengikut Negeri, Malaysia, 2019 dan 2022

Negeri	Purata Saiz Isi Rumah (Orang)		Purata Saiz Isi Rumah Miskin Mutlak (Orang)		Purata PGK (RM)	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Malaysia	**3.9**	**3.8**	**5.6**	**5.3**	**2,208**	**2,589**
Johor	3.8	3.7	5.0	4.8	2,505	2,627
Kedah	3.9	3.8	5.2	4.7	2,254	2,271
Kelantan	4.4	4.2	6.1	5.4	2,139	2,297
Melaka	3.9	3.9	5.4	5.6	2,375	2,670
Negeri Sembilan	3.7	3.6	5.4	5.3	2,088	2,402
Pahang	3.8	3.7	5.5	5.1	2,270	2,480
Pulau Pinang	3.6	3.4	4.8	5.0	1,989	2,250
Perak	3.5	3.5	5.2	4.6	2,077	2,297
Perlis	3.9	3.9	5.2	5.3	1,967	2,140
Selangor	3.9	3.8	5.7	5.7	2,022	2,830
Terengganu	4.7	4.6	6.3	6.3	2,507	2,751
Sabah	4.5	4.3	6.1	5.8	2,537	2,742
Sarawak	4.0	4.0	5.4	5.3	2,131	2,618
W.P. Kuala Lumpur	3.3	3.2	4.9	5.1	2,216	2,816
W.P. Labuan	4.3	4.1	6.1	5.6	2,633	2,576
W.P. Putrajaya	3.8	3.9	5.0	7.0	2,128	2,450

Dari sudut insiden kemiskinan mutlak mengikut negeri dan strata, Malaysia mencatatkan peningkatan bagi isi rumah yang tinggal di bandar manakala isi rumah di luar bandar menunjukkan penurunan pada tahun 2022. Di Malaysia, isi rumah di bandar mencatatkan sebanyak 3.8 peratus (2019) berbanding 4.5 peratus (2022), manakala isi rumah di luar bandar pula memaparkan penurunan iaitu daripada 12.4 peratus (2019) kepada 12.0 peratus (2022).

Jadual 25: Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Negeri dan Strata, Malaysia, 2019 dan 2022

Negeri	Bandar (%)		Luar Bandar (%)		Keseluruhan (%)	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Malaysia	**3.8**	**4.5**	**12.4**	**12.0**	**5.6**	**6.2**
Johor	3.6	4.2	4.8	6.1	3.9	4.6
Kedah	8.0	8.8	10.8	9.5	8.8	9.0
Kelantan	9.1	11.6	16.0	14.6	12.4	13.2
Melaka	3.8	4.3	4.9	3.9	3.9	4.2
Negeri Sembilan	3.7	4.0	6.2	5.4	4.3	4.4
Pahang	3.4	5.6	5.9	7.1	4.3	6.3
Pulau Pinang	1.8	1.9	4.8	3.5	1.9	2.0
Perak	6.5	6.3	10.6	10.9	7.3	7.5
Perlis	4.4	3.9	2.9	4.1	3.9	4.0
Selangor	1.1	1.5	2.0	3.1	1.2	1.5
Terengganu	5.5	5.0	7.4	8.3	6.1	6.2
Sabah	12.5	13.9	31.1	28.5	19.5	19.7
Sarawak	4.8	8.3	14.6	14.6	9.0	10.8
W.P. Kuala Lumpur	0.2	1.4	n.a	n.a	0.2	1.4
W.P. Labuan	3.3	2.7	1.3	0.0	3.1	2.5
W.P. Putrajaya	0.4	0.1	n.a	n.a	0.4	0.1

Insiden kemiskinan turut meningkat bagi semua kumpulan etnik utama pada tahun 2022. Bumiputera mencatatkan insiden kemiskinan tertinggi iaitu 7.9 peratus diikuti dengan etnik India (5.4%) dan Cina (1.9%). Dari sudut komposisi isi rumah miskin mutlak pula, Bumiputera merangkumi 85.2 peratus daripada keseluruhan isi rumah miskin sementara etnik India dan Cina masing-masing merangkumi 9.4 peratus dan 3.9 peratus **(Carta 25).**

Carta 25: Insiden dan Komposisi Isi Rumah Miskin Mutlak mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 2019 dan 2022



2. INSIDEN KEMISKINAN TEGAR 2022

Berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020, insiden kemiskinan tegar di Malaysia merekodkan 1.0 peratus pada tahun 2020, lebih tinggi daripada 0.4 peratus pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, hasil daripada daripada pembukaan dan pemulihan ekonomi kadar ini mencatatkan penurunan kepada 0.2 peratus pada tahun 2022. Pada tahun 2022, Sabah (1.2%) merupakan negeri dengan insiden kemiskinan tegar tertinggi manakala W.P. Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya (0.0%) adalah negeri yang mempunyai kadar kemiskinan tegar yang terendah. Negeri yang merekodkan insiden kemiskinan tegar melebihi nasional antaranya adalah Sarawak (0.4%), Kelantan (0.8%) dan Sabah (1.2%).

Carta 26: Insiden Kemiskinan Tegar mengikut Negeri, Malaysia, 2019 dan 2022



Nota: 0.0 kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan. Misalnya, kurang daripada 0.05 peratus

Dari segi saiz isi rumah, miskin tegar di peringkat nasional mencatatkan purata ahli isi rumah sebanyak 6.6 orang (2019: 6.3 orang). Pada tahun 2019, Kelantan merupakan negeri yang mempunyai purata saiz isi rumah miskin terbesar iaitu 8.1 orang ahli isi rumah dengan purata PGK Makanan sebanyak RM1,181.

.

Jadual 26: Purata Saiz Isi Rumah Keseluruhan, Miskin Tegar dan Purata PGK Makanan mengikut Negeri, Malaysia, 2019 dan 2022

Negeri	Purata Saiz Isi Rumah (Orang)		Purata Saiz Isi Rumah Miskin Tegar (Orang)		Purata PGK Makanan (RM)	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Malaysia	**3.9**	**3.8**	**6.3**	**6.6**	**1,169**	**1,198**
Johor	3.8	3.7	5.3	6.6	1,265	1,161
Kedah	3.9	3.8	5.9	5.2	1,214	1,156
Kelantan	4.4	4.2	8.1	6.6	1,181	1,196
Melaka	3.9	3.9	5.5	8.0	1,279	1,244
Negeri Sembilan	3.7	3.6	4.7	5.3	1,216	1,173
Pahang	3.8	3.7	4.5	6.7	1,201	1,204
Pulau Pinang	3.6	3.4	5.1	5.4	1,004	1,036
Perak	3.5	3.5	5.1	6.2	1,102	1,084
Perlis	3.9	3.9	4.0	5.6	1,133	1,139
Selangor	3.9	3.8	6.1	7.0	1,166	1,274
Terengganu	4.7	4.6	6.1	7.5	1,312	1,367
Sabah	4.5	4.3	7.3	7.1	1,179	1,218
Sarawak	4.0	4.0	6.2	6.8	1,096	1,298
W.P. Kuala Lumpur	3.3	3.2	2.5	1.0	1,110	1,109
W.P. Labuan	4.3	4.1	0.0	0.0	1,319	1,268
W.P. Putrajaya	3.8	3.9	0.0	0.0	1,074	1,206

Dari sudut insiden kemiskinan tegar mengikut negeri dan strata, Malaysia mencatatkan penurunan bagi isi rumah yang tinggal di bandar dan luar bandar pada tahun 2022. Di Malaysia, isi rumah yang tinggal di bandar mencatatkan peratusan sebanyak 0.2 peratus (2019) lebih rendah daripada 0.1 peratus (2022), manakala di luar bandar pula ialah daripada 0.9 peratus (2019) kepada 0.7 peratus (2022).

Jadual 27: Insiden Kemiskinan Tegar mengikut Negeri dan Strata, Malaysia, 2019 dan 2022

Negeri	Bandar (%)		Luar Bandar (%)		Keseluruhan (%)	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Malaysia	**0.2**	**0.1**	**0.9**	**0.7**	**0.4**	**0.2**
Johor	0.2	0.1	0.1	0.3	0.2	0.1
Kedah	0.5	0.3	0.5	0.5	0.5	0.3
Kelantan	0.7	0.3	1.3	1.2	1.0	0.8
Melaka	0.3	0.0	0.0	0.3	0.3	0.1
Negeri Sembilan	0.4	0.1	0.6	0.1	0.4	0.1
Pahang	0.2	0.0	0.1	0.2	0.1	0.1
Pulau Pinang	0.1	0.0	0.2	0.2	0.1	0.1
Perak	0.5	0.0	0.7	0.7	0.5	0.2
Perlis	0.4	0.1	0.0	0.1	0.3	0.1
Selangor	0.1	0.0	0.4	0.1	0.2	0.0
Terengganu	0.2	0.1	0.5	0.4	0.3	0.2
Sabah	0.6	0.5	3.0	2.1	1.5	1.2
Sarawak	0.1	0.3	0.8	0.6	0.4	0.4
W.P. Kuala Lumpur	0.0	0.0	n.a	n.a	0.0	0.0
W.P. Labuan	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
W.P. Putrajaya	0.0	0.0	n.a	n.a	0.0	0.0

Insiden kemiskinan tegar turut mencatatkan penurunan bagi semua kumpulan etnik. Walau bagaimanapun, dari sudut komposisi isi rumah miskin, Bumiputera mencatatkan peningkatan 93.6 peratus pada tahun 2022 berbanding 85.2 peratus pada tahun 2019. Sebaliknya, komposisi isi rumah miskin tegar bagi etnik Cina dan India masing-masing merekodkan penurunan kepada 3.8 peratus dan 2.2 peratus pada tahun 2022 berbanding 7.7 peratus dan 6.7 peratus pada tahun 2019 **(Carta 27).**

Carta 27: Insiden dan Komposisi Isi Rumah Miskin Tegar mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 2019 dan 2022





3. KEMISKINAN RELATIF 2022

Konsep pengiraan kemiskinan relatif adalah berbeza dengan kemiskinan mutlak. Had kemiskinan relatif ditentukan berdasarkan kepada penengah pendapatan keseluruhan isi rumah. Had kemiskinan relatif pada tahun 2022 adalah RM3,169 berbanding RM2,937 pada tahun 2019.

Negeri yang merekodkan had kemiskinan relatif tertinggi adalah W.P. Kuala Lumpur (RM5,117) dengan 12.7 peratus isi rumah berada di bawah had kemiskinan relatif. Sementara itu, Kelantan mempunyai had kemiskinan relatif terendah (RM1,807) dengan 12.2 peratus isi rumah berada di bawah had kemiskinan relatif.

Jadual 28: Had dan Insiden Kemiskinan Relatif mengikut Negeri, Malaysia, 2016, 2019 dan 2022

Negeri	Had Kemiskinan Relatif (RM)			Insiden Kemiskinan Relatif (%)		
	2016	2019	2022	2016	2019	2022
Malaysia	**2,614**	**2,937**	**3,169**	**15.9**	**16.9**	**16.6**
Johor	2,826	3,214	3,440	13.5	15.3	15.9
Kedah	1,906	2,163	2,201	15.9	10.9	11.9
Kelantan	1,540	1,782	1,807	12.1	9.9	12.2
Melaka	2,794	3,027	3,105	10.7	17.0	13.2
Negeri Sembilan	2,290	2,503	2,613	15.5	11.6	13.3
Pahang	1,990	2,220	2,377	8.2	6.0	7.7
Pulau Pinang	2,705	3,085	3,251	6.6	13.2	15.3
Perak	2,003	2,137	2,247	14.1	11.3	13.5
Perlis	2,102	2,297	2,357	12.0	12.0	12.6
Selangor	3,613	4,105	4,992	10.7	15.3	14.2
Terengganu	2,347	2,773	2,939	10.2	8.2	6.9
Sabah	2,055	2,118	2,289	17.6	14.7	14.5
Sarawak	2,082	2,272	2,489	16.8	15.2	16.2
W.P. Kuala Lumpur	4,537	5,275	5,117	13.8	10.6	12.7
W.P. Labuan	2,964	3,363	3,452	11.6	12.9	7.0
W.P. Putrajaya	4,138	4,992	5,028	6.8	12.1	11.4

Nota:
Had pendapatan kemiskinan relatif mengikut separuh daripada penengah pendapatan bagi negeri

D. KEMISKINAN PELBAGAI DIMENSI

Berasaskan kepada garis kemiskinan pada kadar 30 peratus daripada indikator berwajaran menunjukkan pada tahun 2016, kira-kira 1.52 peratus isi rumah di Malaysia adalah miskin pelbagai dimensi. Peratus tersebut berkurang kepada 1.10 peratus pada tahun 2019 dan pada tahun 2022, peratus tersebut menurun kepada 0.8 peratus. Secara purata, kadar ketersisihan yang dialami isi rumah miskin pelbagai dimensi pada tahun 2019 adalah 41.42 peratus daripada indikator berwajaran manakala kadar ketersisihan yang dialami oleh isi rumah miskin pelbagai dimensi pada tahun 2022 adalah 40.86 peratus. Dengan mengambil kira insiden dan purata intensiti ketersisihan isi rumah miskin pelbagai dimensi tersebut, MPI Malaysia secara keseluruhannya telah menurun daripada 0.0110 pada tahun 2019 kepada 0.0079 pada tahun 2022. Ini menunjukkan program-program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan dalam tempoh tersebut adalah berkesan **(Jadual 29).**

Jadual 29: Insiden Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi dan Purata Intensiti Ketersisihan serta MPI di Peringkat Nasional, Strata Bandar dan Luar Bandar, 2016, 2019 dan 2022

Strata	Insiden Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi			Purata Intensiti Ketersisihan Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi			MPI		
	2016	2019	2022	2016	2019	2022	2016	2019	2022
Nasional	**0.0366**	**0.0264**	**0.0193**	**0.4147**	**0.4142**	**0.4086**	**0.0152**	**0.0110**	**0.0079**
Bandar	0.0128	0.0094	0.0055	0.3843	0.3801	0.3703	0.0049	0.0036	0.0021
Luar bandar	0.1233	0.0938	0.0677	0.4262	0.4277	0.4197	0.0526	0.0401	0.0284

BAHAGIAN 4

STATISTIK KETIDAKSAMARATAAN

2022

INTISARI

A. PENGENALAN

Kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 bagi merapatkan jurang ekonomi antara etnik. Strategi utama DEB adalah untuk membasmi kemiskinan mutlak dengan meningkatkan tahap pendapatan dan pekerjaan, tanpa mengira kaum. Seterusnya, untuk menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi dan lokasi geografi dapat dihapuskan. DEB memberi kesan yang positif terhadap kadar kemiskinan dan ketidaksamarataan dengan kadar kemiskinan menurun daripada 49.3 peratus (1970) kepada 0.4 peratus (2016). Selaras dengan kajian semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang dilaksanakan pada tahun 2019, kadar kemiskinan mutlak adalah 5.6 peratus.

Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 1970 adalah 10.44 juta dan meningkat kepada 32.45 juta pada tahun 2020, iaitu peningkatan tiga kali ganda sejak 50 tahun yang lalu. Jumlah isi rumah juga menunjukkan peningkatan yang ketara daripada 1.89 juta (1970) kepada 8.23 juta isi rumah (2020) **(Jadual 30)**.

Jadual 30: Bilangan Penduduk dan Isi Rumah,

Tahun	Bilangan Penduduk (Juta)	Bilangan Isi Rumah (Juta)
1970	10.4	1.9
1980	13.1	2.5
1991	17.6	3.6
2000	22.2	4.8
2010	27.5	6.4
2020	32.5	8.2

Sumber: Laporan Banci Penduduk, 2020

Bumiputera mencatatkan peningkatan daripada 55.8 peratus (1970) kepada 69.4 peratus (2020). Sebaliknya, Cina menunjukkan penurunan daripada 34.1 peratus (1970) kepada 23.2 peratus (2020), manakala bagi India, ia menurun daripada 9.0 peratus kepada 6.7 peratus **(Carta 28)**.

Carta 28: Peratusan Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 1970-2020



Sumber: Laporan Banci Penduduk, 2020

B. PEKALI GINI DAN JURANG PENDAPATAN

Pekali Gini merupakan salah satu indikator pengukuran ketidaksamarataan yang kerap digunakan bagi kebanyakan negara termasuk Malaysia. Nilai pekali Gini bermula dari 0 bagi kesamarataan sempurna hingga 1 bagi ketidaksamarataan sempurna. Nilai pekali Gini yang mempunyai nilai kesamarataan sempurna ada kalanya tidak menggambarkan pembangunan sesebuah negara. Manakala, ketidaksamarataan sempurna pula berlaku disebabkan proses pembangunan sedang berlaku di negara tertentu. Nilai pekali Gini di Malaysia telah menunjukkan penurunan daripada 0.530 pada tahun 1974 kepada 0.404 pada tahun 2022 seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 29.** Malaysia mencatatkan nilai Pekali Gini tertinggi pada tahun 1976 (0.557), manakala nilai pekali Gini terendah dicatat pada tahun 2016 (0.399).

Carta 29: Ketidaksamarataan, Malaysia, 1974-2022



Bagi pendapatan kasar, pekali gini bagi tahun 2022 bertambah baik daripada 0.407 (2019) kepada 0.404. Walau bagaimanapun, dari sudut pendapatan kasar per kapita, Pekali Gini kekal pada 0.429. Bagi melihat ketidaksamarataan dalam konteks yang lebih adil, Pekali Gini diukur menggunakan pendapatan boleh guna. Pada tahun 2022, Pekali Gini berdasarkan pendapatan boleh guna mencatatkan nilai yang sama bagi kedua-dua tahun (0.393). Dari sudut pendapatan boleh guna per kapita, Pekali Gini melebar daripada 0.416 (2019) kepada 0.417 (2022) **(Carta 30)**.

Carta 30: Pekali Gini, Malaysia, 2019 dan 2022



Nilai Pekali Gini di bandar bertambah baik dari semua sudut pendapatan; pendapatan kasar 0.398 (2019), 0.393 (2022); pendapatan kasar per kapita 0.419 (2019), 0.418 (2022); pendapatan boleh guna 0.385 (2019), 0.382 (2022); pendapatan boleh guna per kapita 2019 0.407 (2019), 0.406 (2022). Trend yang sama ditunjukkan di kawasan luar bandar iaitu; pendapatan kasar 0.367(2019), 0.351 (2022); pendapatan kasar per kapita 0.394 (2019), 0.361 (2022); pendapatan boleh guna 0.361 (2019), 0.353 (2022); pendapatan boleh guna per kapita 0.388 (2019), 0.365 (2022). Ini menunjukkan bahawa ketidaksamarataan dalam strata yang sama semakin mengecil **(Jadual 31)**.

Jadual 31: Pekali Gini mengikut Strata, Malaysia, 2022

Strata	Pendapatan Kasar		Pendapatan Kasar per Kapita		Pendapatan Boleh Guna		Pendapatan Boleh Guna per Kapita	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Malaysia	**0.407**	**0.404**	**0.429**	**0.429**	**0.393**	**0.393**	**0.416**	**0.417**
Bandar	0.398	0.393	0.419	0.418	0.385	0.382	0.407	0.406
Luar Bandar	0.367	0.351	0.394	0.361	0.361	0.353	0.388	0.365

Sebaliknya, **Jadual 32** menunjukkan jurang pendapatan antara strata bandar dan luar bandar melebar di mana nisbah dari semua sudut pendapatan menunjukkan trend yang sama; pendapatan kasar 1:0.58 (2019), 1:0.55 (2022); pendapatan kasar per kapita 1:0.56 (2019), 1:0.51 (2022); pendapatan boleh guna 1:0.62 (2019), 1:0.58 (2022); pendapatan boleh guna per kapita 1:0.60 (2019), 1:0.58 (2022). Purata pendapatan kasar di bandar adalah RM9,428 manakala di kawasan luar bandar adalah RM5,147 pada tahun 2022.

Jadual 32: Jurang Pendapatan antara Bandar dan Luar Bandar, Malaysia, 2019 dan 2022

Strata	Pendapatan Kasar		Pendapatan Kasar per Kapita		Pendapatan Boleh Guna		Pendapatan Boleh Guna per Kapita	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Bandar	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
Luar Bandar	0.58	0.55	0.56	0.51	0.62	0.58	0.60	0.58

Nilai Pekali Gini bagi pendapatan kasar bertambah baik bagi semua kumpulan etnik; Bumiputera 0.389 (2019), 0.387 (2022); Cina 0.417 (2019), 0.412 (2022); India 0.411 (2019), 0.406 (2022); Lain-lain 0.402 (2019), 0.397 (2022). Trend yang sama ditunjukkan dari sudut pendapatan kasar per kapita bagi semua etnik kecuali Cina. Bagi pendapatan boleh guna pula, Bumiputera menunjukkan jurang lebih lebar, manakala etnik lain bertambah baik. Pendapatan boleh guna per kapita Bumiputera kekal pada 0.397 bagi tahun 2022. Etnik Cina pula menunjukkan jurang yang lebih melebar, manakala etnik India bertambah baik daripada 0.420 kepada 0.419 **(Jadual 33)**.

Jadual 33: Pekali Gini Mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 2019 dan 2022

Kumpulan Etnik	Pendapatan Kasar		Pendapatan Kasar per Kapita		Pendapatan Boleh Guna		Pendapatan Boleh Guna per Kapita	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Bumiputera	0.389	0.387	0.409	0.406	0.377	0.379	0.397	0.397
Cina	0.417	0.412	0.410	0.414	0.399	0.398	0.395	0.399
India	0.411	0.406	0.433	0.431	0.399	0.396	0.420	0.419
Lain-lain	0.402	0.397	0.443	0.416	0.396	0.393	0.437	0.403

Jurang pendapatan bagi pendapatan kasar antara etnik semakin melebar kecuali India yang bertambah baik; Bumiputera 1:0.72 (2019),1:0.71 (2022); India 1:0.83 (2019), 1:0.84 (2022); Lain-lain 1:0.60 (2019), 1:0.56 (2022) **(Jadual 34)**. Pendapatan purata etnik Cina adalah RM10,656 sebulan, sementara India dan Bumiputera masing-masing mencatatkan pendapatan purata sebanyak RM8,950 dan RM7,599 bagi pendapatan kasar.

Jadual 34: Jurang Pendapatan antara Etnik Cina dan Etnik lain, Malaysia, 2019 dan 2022

Kumpulan Etnik	Pendapatan Kasar		Pendapatan Kasar per Kapita		Pendapatan Boleh Guna		Pendapatan Boleh Guna per Kapita	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Bumiputera	0.72	0.71	0.60	0.58	0.73	0.74	0.61	0.60
Cina	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
India	0.83	0.84	0.75	0.76	0.83	0.84	0.74	0.76
Lain-lain	0.60	0.56	0.51	0.53	0.63	0.58	0.52	0.55

C. INDEKS *THEIL*

Indeks *Theil* adalah ukuran statistik yang digunakan untuk mengukur ketidaksamarataan pendapatan atau kekayaan sesebuah populasi. Indeks ini dibangunkan oleh ahli ekonometri *Henri Theil*. Nilai Indeks *Theil* yang lebih tinggi menunjukkan ketidaksamarataan yang lebih lebar, sementara nilai sifar menunjukkan kesamarataan sempurna. Nilai Indeks *Theil* menunjukkan penurunan pada tahun 2022 bagi pendapatan kasar manakala lain-lain pendapatan menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2019 **(Carta 31)**.

Carta 31: Indeks *Theil*, Malaysia, 2022



Indeks *Theil* bagi pendapatan kasar di kawasan bandar lebih tinggi iaitu 0.289 berbanding kawasan luar bandar dengan 0.212, manakala bagi pendapatan kasar per kapita di bandar juga mencatatkan nilai lebih tinggi iaitu 0.332 berbanding luar bandar dengan 0.230. **Jadual 35** menunjukkan Indeks *Theil* di kawasan bandar lebih tinggi berbanding kawasan luar bandar berdasarkan empat jenis pendapatan iaitu pendapatan kasar, pendapatan kasar per kapita, pendapatan boleh guna dan pendapatan boleh guna per kapita. Sehubungan itu, jurang pendapatan luar bandar lebih baik berbanding bandar.

Jadual 35: Indeks *Theil* Mengikut Strata, Malaysia, 2019 dan 2022

Strata	Pendapatan Kasar		Pendapatan Kasar per Kapita		Pendapatan Boleh Guna		Pendapatan Boleh Guna per Kapita	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Malaysia	0.306	0.303	0.346	0.350	0.280	0.282	0.319	0.323
Bandar	0.293	0.289	0.331	0.332	0.269	0.270	0.307	0.308
Luar Bandar	0.246	0.212	0.282	0.230	0.239	0.214	0.272	0.234

Jadual 36 menunjukkan nilai Indeks *Theil* mengikut etnik utama di Malaysia iaitu Bumiputera, Cina dan India. Nilai Indeks *Theil* bagi pendapatan kasar etnik India lebih tinggi iaitu 0.332 berbanding Bumiputera dan Cina (0.275 dan 0.310), manakala Indeks *Theil* berdasarkan pendapatan kasar per kapita bagi etnik India ialah 0.372 lebih tinggi berbanding Bumiputera dan Cina. Pendapatan boleh guna juga menunjukkan trend yang sama dengan pendapatan kasar dan pendapatan kasar per kapita di mana etnik India menunjukkan indeks yang paling tinggi (0.304). Pendapatan boleh guna per kapita bagi etnik India mencatatkan indeks 0.340. Nilai Indeks *Theil* yang tinggi menunjukkan ketidaksamarataan yang melebar.

Jadual 36: Indeks *Theil* Mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 2019 dan 2022

Kumpulan Etnik	Pendapatan Kasar		Pendapatan Kasar per Kapita		Pendapatan Boleh Guna		Pendapatan Boleh Guna per Kapita	
	2019	2022	2019	2022	2019	2022	2019	2022
Bumiputera	0.279	0.275	0.312	0.310	0.258	0.261	0.288	0.290
Cina	0.318	0.310	0.312	0.320	0.287	0.287	0.286	0.294
India	0.310	0.332	0.375	0.372	0.292	0.304	0.348	0.340
Lain-lain	0.328	0.281	0.392	0.325	0.318	0.271	0.381	0.294

D. INDEKS *ATKINSON*

Indeks *Atkinson* memberikan ukuran yang lebih sensitif terhadap perubahan dalam ketidaksamarataan pendapatan atau kekayaan berbanding dengan pekali Gini. Nilai indeks *Atkinson* bagi pendapatan kasar pada tahun 2022 lebih kecil kepada 0.134 berbanding 0.135 (2019). Dalam konteks ini, sekiranya pendapatan diagihkan sama rata, hanya 86.6 peratus daripada pendapatan kasar diperlukan untuk membiayai keperluan hidup, berbanding 86.5 peratus pada 2019. Manakala pendapatan kasar per kapita dan pendapatan boleh guna per kapita masing-masing menunjukkan peningkatan pada tahun 2022 iaitu 0.152 dan 0.142 **(Carta 32)**.

Carta 32: Indeks *Atkinson*, Malaysia, 2019 dan 2022



E. NISBAH SERAKAN

Ukuran ketidaksamarataan yang mudah dan popular ialah nisbah serakan, yang menunjukkan nisbah pendapatan mengikut kelompok isi rumah. **Jadual 37** menunjukkan nisbah serakan berdasarkan nisbah pendapatan pada satu peratus teratas berbanding dengan satu peratus terbawah (p99/p1), nisbah pendapatan pada 10 peratus teratas berbanding dengan 10 peratus terbawah (p90/p10), nisbah pendapatan pada 10 peratus teratas berbanding median pendapatan (p90/p50) dan 10 peratus terbawah berbanding nisbah median pendapatan (p10/p50). Dari sudut pendapatan kasar, kelompok isi rumah satu peratus teratas memperoleh 28.8 kali ganda pendapatan berbanding dengan kelompok isi rumah satu peratus terbawah. Kelompok isi rumah 10 peratus teratas pula, memperoleh 6.2 kali ganda pendapatan berbanding isi rumah yang berada di 10 peratus terbawah dan 2.5 kali ganda berbanding dengan 50 peratus isi rumah terbawah. Sementara itu, pendapatan kelompok isi rumah 10 peratus terbawah adalah 2.5 kali ganda lebih rendah daripada median pendapatan.

Jadual 37: Nisbah Serakan, Malaysia, 2019 dan 2022

Jenis Pendapatan	p99/p1		p90/p10		p90/p50		p10/p50	
	2019	2020	2019	2020	2019	2020	2019	2020
Pendapatan Kasar	32.0	28.8	6.0	6.2	2.6	2.5	0.4	0.4
Pendapatan Kasar per Kapita	35.5	34.3	6.9	6.8	2.7	2.7	0.4	0.4
Pendapatan Boleh guna	27.0	26.5	5.8	5.9	2.5	2.4	0.4	0.4
Pendapatan Boleh guna per Kapita	35.5	31.4	6.6	6.6	2.6	2.6	0.4	0.4

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

BAHAGIAN 5

INDIKATOR SOSIOEKONOMI DI MALAYSIA

2022

INTISARI

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

A. PRESTASI DAN *OUTCOME* TERPILIH

Selaras dengan agenda Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), tahun 2021-2025 memberi tumpuan bagi meningkatkan keterangkuman dan memastikan peluang yang sama untuk semua menjelang tahun 2025. HIES yang telah dijalankan oleh DOSM telah membolehkan penunjuk iaitu Pekali Gini, insiden kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif serta kemiskinan multidimensi untuk diukur bagi menilai situasi terkini di negara ini.

Berdasarkan kepada kedudukan terkini, Pekali Gini, iaitu 0.404 lebih tinggi berbanding angka yang disasarkan pada tahun 2025, iaitu 0.388, sekali gus menunjukkan ketidaksamarataan pendapatan negara semakin mengecil. Pada tahun tersebut, insiden kemiskinan mutlak adalah 6.2 peratus, yang melebihi kadar sasaran 4.2 peratus bagi tahun 2025. Selain itu, insiden kemiskinan relatif juga melebihi kadar sasaran, iaitu 15.6 peratus bagi tahun 2025, mencapai 16.6 peratus daripada pendapatan isi rumah bagi tahun 2022. Ini menunjukkan bahawa 16.6 peratus isi rumah memperoleh pendapatan kurang daripada separuh median pendapatan isi rumah bulanan nasional (RM6,338). Namun begitu, melihat kepada pengukuran yang lebih intuitif, kelaziman kemiskinan multidimensi menunjukkan peningkatan yang ketara dengan kadar 1.9 peratus, lebih rendah daripada kadar sasaran 2.6 peratus menjelang 2025.

Jurang nisbah ketidaksamarataan pendapatan isi rumah antara Bumiputera dan Cina disasarkan 0.88:1 pada 2025. Walau bagaimanapun, jurang pendapatan antara Bumiputera dan Cina adalah 0.71:1 bagi tahun 2022, yang mana lebih tinggi berbanding dengan 2019 adalah 0.72:1. Di samping itu, sebanyak 75 peratus isi rumah Bumiputera disasarkan memiliki seunit kediaman pada 2025. Sebanyak 73.0 peratus isi rumah Bumiputera telah mencapai memiliki sekurang-kurangnya satu unit kediaman pada tahun 2022.

RMK12 mensasarkan isi rumah B40 memperoleh purata pendapatan bulanan RM4,200 dan atau median pendapatan bulanan RM4,300 menjelang tahun 2025. Purata pendapatan bulanan dan median bulanan isi rumah B40 pada 2022 masing-masing adalah RM3,401 dan RM3,440. Sasaran purata pendapatan bulanan isi rumah tahun 2025 ialah RM10,065 berbanding RM8,479 yang dicatatkan pada tahun 2022.

Jadual 38: Prestasi dan *Outcome* Terpilih, RMKe-12

Indikator Terpilih	Prestasi 2022	*Outcome* 2025
Pekali Gini	0.404	0.388
Insiden kemiskinan mutlak (%)	6.2	4.2
Insiden kemiskinan relative (%)	16.6	15.6
Insiden kemiskinan pelbagai dimensi (Titik Indeks)	0.0019	0.0026
Nisbah pendapatan penengah bulanan isi rumah Bumiputera kepada Cina (Nisbah)	0.71:1	0.88:1
Peratusan isi rumah Bumiputera yang memiliki seunit kediaman (%)	73	75
Pendapatan purata bulanan isi rumah B40 (RM)	3,401	4,200
Pendapatan penengah bulanan isi rumah B40 (RM)	3,440	4,300
Purata pendapatan bulanan isi rumah (RM)	8,479	10,065

Sumber: Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

B. PENDUDUK

Anggaran penduduk bagi tahun 2021 dan 2022 adalah berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020 dan menggunakan kaedah komponen kohort yang merangkumi kematian, kelahiran, migrasi dalaman dan komponen migrasi antarabangsa. Jumlah anggaran penduduk Malaysia berjumlah 32.7 juta pada tahun 2022. Dengan jumlah ini, Warganegara menyumbang 92.6 peratus (30.2 juta orang) Bukan Warganegara adalah 7.4 peratus (2.4 juta orang).

Kadar pertumbuhan penduduk tahunan meningkat pada kadar yang lebih perlahan kepada 0.2 peratus pada 2022 berbanding 0.4 peratus pada 2021 **(Carta 33)**.

Carta 33: Jumlah Penduduk, Malaysia, 2018 - 2022



Penduduk bandar merangkumi 75.5 peratus daripada keseluruhan penduduk pada 2022 berbanding 75.3 peratus pada 2021, dengan peningkatan sebanyak 0.2 mata peratus. Manakala, penduduk di luar menurun kepada 24.5 peratus berbanding 24.7 peratus pada 2021 **(Jadual 39)**.

Jadual 39: Komposisi Penduduk mengikut Strata, Malaysia, 2018 - 2022

Strata	2018	2019	2020	2021	2022^{p}
Bandar	75.6	75.2	75.1	75.3	75.5
Luar Bandar	24.4	24.8	24.9	24.7	24.5

Komposisi Bumiputera pada 69.9 peratus (2021: 69.6%) daripada 30.2 juta penduduk Warganegara pada 2022. Walau bagaimanapun, komposisi penduduk Cina dan India menurun kepada 22.8 peratus (2021: 23.0%) dan 6.6 peratus (2021: 6.7%), manakala Lain-lain kekal pada 0.7 peratus **(Jadual 40)**.

Jadual 40: Komposisi Penduduk Warganegara mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 2018 - 2022

Kumpulan Etnik	2018	2019	2020	2021	2022^{p}
Bumiputera	62.0	62.5	69.4	69.6	69.9
Cina	20.6	20.6	23.2	23.0	22.8
India	6.2	6.2	6.7	6.7	6.6
Lain-lain	0.9	0.9	0.7	0.7	0.7

Analisa populasi mengikut kumpulan umur bagi tahun 2022, komposisi penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda) menurun kepada 23.2 peratus berbanding 23.6 peratus pada 2021. Manakala, penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja) meningkat daripada 69.4 peratus pada 2021 kepada 69.5 peratus pada 2022. Peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 7.0 peratus (2.3 juta orang) kepada 7.3 peratus (2.4 juta orang) bagi tempoh yang sama **(Jadual 41)**.

Jadual 41: Komposisi Penduduk mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2018 - 2022

Kumpulan Umur	2018	2019	2020	2021	2022^{p}
0-14 tahun	23.8	23.5	24.0	23.6	23.2
15-64 tahun	69.7	69.7	69.3	69.4	69.5
65 tahun ke atas	6.5	6.7	6.8	7.0	7.3

Nota:
1 2018-2019 – Anggaran Penduduk Semasa berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010

2 2020-2022 – Anggaran Penduduk Semasa berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

C. TENAGA BURUH

Tenaga buruh terus berkembang pada tahun 2021, meningkat sebanyak 0.7 peratus bersamaan dengan 107.5 ribu orang yang merekodkan 15.1 juta orang (2020: 15.0 juta orang). Sektor pekerjaan terus meningkat pada tahun 2022 mencatatkan 15.8 juta penduduk bekerja **(Carta 34)**.

Carta 34: Tenaga Buruh, Malaysia, 2015 - 2022



Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Dari segi kategori kemahiran, penduduk bekerja separuh mahir merekodkan peratus sumbangan tertinggi dengan 59.4 peratus iaitu 9.47 juta orang, diikuti oleh pekerja mahir dan berkemahiran rendah dengan masing-masing 27.9 peratus (4.45 juta orang) dan 12.5 peratus (2.02 juta orang) **(Carta 35)**.

Carta 35: Komposisi Pekerja mengikut Kemahiran, Malaysia, 2015 - 2021



Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat sebanyak 0.2 mata peratus daripada 68.4 peratus pada tahun 2020 kepada 68.6 peratus tahun 2021. LFPR terus meningkat pada tahun 2022 mencatatkan 69.3 peratus. Dalam masa yang sama, bilangan penganggur terus menurun kepada 631.4 ribu orang bagi tahun 2022 selepas mencatatkan peningkatan pada tahun 2021, iaitu 733.0 ribu orang. Kadar pengangguran mencatatkan penurunan sebanyak 4.6 peratus pada tahun 2021 kepada 3.9 peratus pada tahun 2022 **(Carta 36)**.

Carta 36: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh dan Pengangguran, Malaysia, 2015 - 2022



Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pada tahun 2021, gaji purata meningkat 3.5 peratus iaitu sebanyak RM3,037 sementara gaji penengah meningkat sebanyak 9.1 peratus iaitu RM2,250 **(Carta 37)**.

Carta 37: Kadar Pertumbuhan Gaji dan Upah, Malaysia, 2015 - 2021



Tahun	**2015**	**2016**	**2017**	**2018**	**2019**	**2020**	**2021**
Purata (RM)	2,487	2,657	2,880	3,087	3,224	2,933	3,037
Penengah (RM)	1,942	2,000	2,160	2,308	2,442	2,062	2,250

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

D. GAJI MINIMUM

Kerajaan telah meluluskan perintah gaji minimum baru yang berkuasa pada 1 Mei 2022 dengan kadar gaji minimum ialah RM 1,500 sebulan bagi semua sektor. Menurut Laporan Statistik Gaji dan Upah 2021, bilangan penerima gaji dan upah meningkat sebanyak 3.4 peratus kepada 9.71 juta orang. Hampir dua pertiga menerima gaji di bawah RM3,000 iaitu seramai 6.1 juta orang di mana 2.1 juta daripadanya menerima gaji kurang daripada RM1,500.

E. KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

Ekonomi Malaysia mengukuh dengan pertumbuhan 8.7 peratus pada tahun 2022 daripada 3.3 peratus pada tahun 2021. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia 2022 berjumlah RM1.79 trilion pada harga semasa dan RM1.51 trilion pada harga malar.

Carta 38: Keluaran Dalam Negeri Kasar pada Harga Semasa dan Harga Malar 2015, 2018 - 2022



Sumber: KDNK Suku Tahunan, Q1 2023

Carta 39: Pampasan Pekerja, Malaysia, 2018 - 2022



Sumbangan GDP (%)	35.8	35.9	37.4	35.1	32.4

Sumber: KDNK Kaedah Pendapatan, 2022

Dari perspektif pendapatan, pampasan pekerja meningkat sebanyak 6.5 peratus pada tahun 2022 dengan jumlah RM579.7 bilion berbanding RM544.2 billion bagi tahun 2021. Komposisi pampasan pekerja kepada KDNK menurun sedikit daripada 35.1 peratus dalam tahun 2021 kepada 32.4 peratus tahun 2022 **(Jadual 42)**.

Jadual 42: Sumbangan Pampasan Pekerja mengikut Sektor, Malaysia, 2018 - 2022

Tahun	Pampasan Pekerja (bahagian %)	Pertanian	Perlombongan dan Pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
2018	35.8	19.4	8.2	36.9	72.1	39.8
2019	35.9	19.3	8.9	37.0	71.9	39.4
2020	37.4	17.8	10.9	37.6	77.2	41.0
2021e	35.1	13.7	8.9	35.4	77.2	40.6
2022p	32.4	13.0	6.9	33.3	77.1	37.7

Sumber: KDNK Kaedah Pendapatan, 2022

Pengasingan KDNK bagi semua negeri mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2022. Empat negeri mencatatkan pertumbuhan melebihi paras nasional (8.7%) iaitu Pulau Pinang (13.1%), Selangor (11.9%), Pahang (10.8%), dan W.P. Kuala Lumpur (9.2%). Sektor Pembuatan menjadi pemacu utama bagi negeri Pulau Pinang yang sebahagiannya disokong oleh pengembangan bagi produk elektrik, elektronik dan optikal. Sementara itu, Selangor, Pahang dan W.P. Kuala Lumpur dipacu oleh sektor perkhidmatan terutamanya dari industri berkait dengan pelancongan iaitu perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman dan penginapan **(Jadual 43)**.

Jadual 43: KDNK mengikut Negeri, 2019 - 2022 pada Harga Malar 2015 - Perubahan Peratusan Tahunan dan Sumbangan Peratusan kepada KDNK

Negeri	Perubahan Peratusan Tahunan (%)				Sumbangan Peratusan kepada KDNK (%)			
	2019	2020	2021	2022	2019	2020	2021	2022
Johor	2.8	-4.6	2.5	8.2	9.4	9.5	9.4	9.4
Kedah	4.5	-1.7	3.2	7.2	3.3	3.4	3.4	3.4
Kelantan	5.5	-1.1	2.4	4.3	1.8	1.9	1.9	1.8
Melaka	2.9	-5.9	2.1	8.6	3.1	3.0	3.0	3.0
Negeri Sembilan	5.1	-3.5	3.1	6.4	3.4	3.4	3.4	3.4
Pahang	3.8	-6.1	0.9	10.8	4.1	4.1	4.0	4.1
Pulau Pinang	3.7	-2.1	6.9	13.1	6.6	6.9	7.1	7.4
Perak	4.1	-2.3	3.6	4.3	5.3	5.5	5.5	5.3
Perlis	4.5	-6.0	1.4	5.7	0.4	0.4	0.4	0.4
Selangor	6.7	-5.3	5.3	11.9	24.2	24.3	24.7	25.5
Terengganu	3.3	-5.6	3.7	5.9	2.5	2.5	2.5	2.5
Sabah	0.7	-9.1	1.5	3.7	6.0	5.8	5.7	5.4
Sarawak	2.8	-6.7	3.1	6.5	9.6	9.5	9.5	9.3
W.P. Kuala Lumpur[1]	6.1	-7.0	1.0	9.2	16.4	16.2	15.8	15.9
W.P. Labuan	5.2	-0.1	0.5	4.0	0.5	0.6	0.6	0.5
Supra[2]	-0.7	-11.0	2.9	2.0	3.2	3.0	3.0	2.8
KDNK pada harga pembeli	**4.4**	**-5.5**	**3.3**	**8.7**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

Nota:

1 Termasuk W.P. Putrajaya

2 Supra state merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan utama bagi mana-mana negeri

Sumber: KDNK mengikut Negeri, 2022

Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta terdiri daripada Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Institusi bukan Keuntungan yang Berkhidmat kepada Isi Rumah (NPISHs). Pada tahun 2022, prestasi perbelanjaan penggunaan akhir swasta merekodkan peningkatan 14.9 peratus pada harga semasa dan 11.2 peratus pada harga malar 2015.

Carta 40: Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta pada Harga Semasa dan Harga Malar 2015, 2018 - 2022



Sumber: KDNK Suku Tahunan, Q1 2023

F. INDEKS HARGA PENGGUNA (CPI)

Indeks Harga Pengguna (IHP) mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi “bakul” tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. Inflasi meningkat sebanyak 3.3 peratus bagi tahun 2022 berbanding 2.5 peratus bagi tahun 2021. Peningkatan harga komoditi dan kenaikan harga minyak dunia, kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding dollar Amerika, peningkatan kos barangan import dan isu geopolitik merupakan antara faktor yang mendorong kepada kadar inflasi yang lebih tinggi pada 2022.

Carta 41: Perubahan Peratus Indeks Harga Pengguna dan Indeks Teras, Malaysia, 2018 - 2022



KONSEP

Pendapatan Isi Rumah

Isi Rumah	Isi rumah adalah orang yang tinggal bersama dalam satu tempat kediaman dan membuat peruntukan hidup bersama
Pendapatan Isi Rumah	Keseluruhan pendapatan yang biasanya diterima (terakru) oleh ahli isi rumah, sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan yang diterima secara berkala dalam tempoh rujukan survei
Penerima Pendapatan	Ahli isi rumah yang menerima pendapatan dalam tempoh rujukan iaitu sekurang-kurangnya seorang penerima pendapatan
Pendapatan Penengah	Pendapatan penengah adalah nilai pertengahan apabila pendapatan isi rumah disusun secara menaik dari nilai yang terendah kepada nilai yang tertinggi
Pendapatan Purata	Nilai ini diperoleh dengan menjumlahkan semua pendapatan isi rumah dan dibahagikan dengan bilangan isi rumah

Ukuran Kemiskinan

Kemiskinan Relatif

Kemiskinan relatif mengambil kira keadaan di mana pendapatan isi rumah berada beberapa peratusan di bawah pendapatan penengah isi rumah

Kemiskinan Mutlak

Kemiskinan mutlak adalah keadaan di mana pendapatan isi rumah tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup asas iaitu makanan, perlindungan dan pakaian

Kemiskinan Tegar

Kemiskinan tegar adalah keadaan di mana pendapatan isi rumah tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup asas iaitu makanan

Multidimensional Poverty Index

Mengenal pasti ketersisihan yang dialami oleh ahli isi rumah dalam pelbagai dimensi selain kewangan. Nilai indeks MPI ialah di antara 0 dan 1

Ketidaksamarataan dan Kemiskinan

Ukuran Ketidaksamarataan

Pekali Gini

Nilai Pekali Gini berada antara 0 dan 1, di mana 0 menunjukkan agihan pendapatan yang saksama, manakala 1 menunjukkan agihan pendapatan yang paling tidak saksama

Indeks Theil

Indeks Theil mengukur jurang di antara pendapatan yang diterima oleh setiap populasi dengan tahap pendapatan sama rata yang patut diterima oleh semua populasi. Nilai Theil yang tinggi menunjukkan jurang yang semakin jauh daripada pendapatan sama rata ini

Indeks Atkinson

Kaedah ini mempunyai parameter pemberat α yang mengukur nilai ketidaksamaan. Indeks Atkinson mempunyai perbezaan nilai antara 0 hingga 1, di mana 0 mewakili kesamarataan sempurna dan 1 mewakili ketidaksamarataan sempurna

Nisbah Serakan

Nisbah pendapatan mengikut kelompok isi rumah. Contohnya, nisbah pendapatan pada 1% teratas berbanding pada 1% terbawah (p99/p1), nisbah pendapatan pada 10% teratas berbanding pada 10% terbawah (p90/p10), nisbah pendapatan pada 10% teratas berbanding pendapatan median (p90/p50) dan nisbah pendapatan median berbanding 10% terbawah (p50/p10)

Perbelanjaan Isi Rumah

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah

1. Perbelanjaan secara tunai atau oleh ahli-ahli isi rumah ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian
2. Perbelanjaan barangan, perkhidmatan dan kemudahan diterima dalam bentuk mata benda (in-kind) secara percuma atau konsesi
3. Perbelanjaan nilai sewa rumah yang diduduki oleh pemiliknya
4. Perbelanjaan barangan kegunaan sendiri

Perbelanjaan Bukan Penggunaan Isi Rumah

1. Bayaran ke atas perkhidmatan yang tidak dapat dikenal pasti dan bertujuan untuk menambah hasil kerajaan
2. Bayaran yang tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan perolehan Perkhidmatan yang diterima

Perbelanjaan Semasa Isi Rumah

Jumlah bagi kedua-dua perbelanjaan penggunaan isi rumah dan perbelanjaan bukan penggunaan isi rumah

KONSEP DAN KLASIFIKASI PERBELANJAAN ISI RUMAH

Statistik perbelanjaan digunakan oleh kerajaan dalam membentuk, memantau dan menilai kesan polisi ekonomi dan sosial seperti perubahan dasar fiskal, permintaan produk dan perkhidmatan serta menjadi pelengkap kepada penyusunan akaun negara dalam konteks sektor isi rumah dalam negara. Oleh itu, adalah penting untuk menggunakan konsep dan definisi yang setara dengan saranan dan amalan antarabangsa. Rujukan yang diguna pakai pada masa ini adalah *System of National Account, 2018 oleh United Nations (UN)*; *Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth* (2013), *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*, dan *Classification of Individual Consumption According to Purpose* (COICOP) 2018, *United Nations*.

Klasifikasi COICOP telah disesuaikan dengan item perbelanjaan isi rumah di Malaysia dan digunakan dalam pengumpulan dan analisis data. Dalam penerbitan ini, penggunaan COICOP Malaysia (MCOICOP) 2021 telah dilaksanakan. MCOICOP 2021 adalah kesinambungan daripada COICOP sedia ada dan garis panduan COICOP terkini daripada UN, yang diterbitkan pada Mac 2018. Dalam laporan ini, data perbelanjaan isi rumah 2016 dan 2019 telah dipadankan semula dengan mengguna pakai kod MCOICOP 2021 bagi membolehkan perbandingan yang setara dibuat.

Antara perubahan utama dalam MCOICOP 2021 ialah pengenalan kod item 5 digit (sub kelas perbelanjaan) dan 8 digit (item perbelanjaan). Peluasan kod item ini adalah untuk memperincikan lagi kod item perbelanjaan sedia ada. Sebagai contoh kumpulan kod 12 COICOP 2019 dibahagikan kepada dua kod iaitu kod 12 dan 13 dalam MCOICOP 2021. Bagi kumpulan perbelanjaan bukan penggunaan pula, kod 13 di dalam COICOP 2019 telah ditukarkan kepada kod 90 (MCOICOP 2021). Selain itu, perbelanjaan bagi beberapa kumpulan telah disesuaikan semula.

Perbezaan klasifikasi perbelanjaan 2019 dan 2022

2019

Kod	Kumpulan perbelanjaan
	Perbelanjaan penggunaan
01	Makanan & minuman bukan alkohol
02	Minuman alkohol & tembakau
03	Pakaian & kasut
04	Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain
05	Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah
06	Kesihatan
07	Pengangkutan
08	Komunikasi
09	Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan
10	Pendidikan
11	Restoran & hotel
12	Pelbagai barang & perkhidmatan
	Perbelanjaan bukan penggunaan
13	Pelbagai perbelanjaan & perbelanjaan kewangan

2022

Kod	Kumpulan perbelanjaan
	Perbelanjaan penggunaan
01	Makanan & minuman
02	Minuman alkohol & tembakau
03	Pakaian & kasut
04	Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain
05	Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah
06	Kesihatan
07	Pengangkutan
08	Maklumat & komunikasi
09	Rekreasi, sukan & kebudayaan
10	Perkhidmatan pendidikan
11	Restoran & perkhidmatan penginapan
12	Insurans & perkhidmatan kewangan
13	Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan
	Perbelanjaan bukan penggunaan
90	Perbelanjaan bukan penggunaan isi rumah

Pergerakan kod terpilih antara kumpulan MCOICOP 2021



Nota: Rujuk kepada *Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)*

PENDAPATAN ISI RUMAH MALAYSIA, 2022

🟥 2022
🟩 2019

TABURAN ISI RUMAH

Jumlah Isi Rumah , MALAYSIA

2022 : 7.9 juta
2019 : 7.3 juta

Saiz Isi Rumah

Pada tahun 2019, secara purata saiz isi rumah mempunyai **3.9 orang**



Pada tahun 2022, purata saiz isi rumah menurun kepada **3.8 orang**

Purata Penerima Pendapatan

2022 : 1.8 orang
2019 : 1.8 orang

Nota : Data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia

PURATA DAN AGIHAN PENDAPATAN MENGIKUT PUNCA PENDAPATAN

Pekerjaan Bergaji	RM5,327 (62.8%)	RM4,870 (61.6%)
Bekerja Sendiri	RM1,288 (15.2%)	RM1,364 (17.3%)
Harta & Pelaburan	RM1,039 (12.3%)	RM1,023 (12.9%)
Pindahan Semasa Diterima	RM826 (9.7%)	RM644 (8.2%)

STRATA DAN KUMPULAN ETNIK

	STRATA			KUMPULAN ETNIK		
	Malaysia	Bandar	Luar Bandar	Bumiputera	Cina	India
Penengah CAGR (%)	RM6,338 2.5%	RM7,243 3.3%	RM4,094 2.2%	RM5,793 2.2%	RM8,167 3.3%	RM6,627 3.4%
Purata CAGR (%)	RM8,479 2.4%	RM9,428 2.9%	RM5,147 0.9%	RM7,599 2.3%	RM10,656 2.5%	RM8,950 2.9%

● Penengah
○ Purata

CAGR : Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (%)

KUMPULAN ISI RUMAH



PERATUSAN ISI RUMAH MENGIKUT KELAS PENDAPATAN



AGIHAN PENDAPATAN MENGIKUT DESIL



Klasifikasi:
B40: B1, B2, B3, B4 **M40:** M1, M2, M3, M4 **T20:** T1, T2

Sumber: Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah 2022,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR MENGIKUT NEGERI



MALAYSIA	RM6,338	RM8,479
Perlis	RM4,713	RM5,664
Kedah	RM4,402	RM5,550
Perak	RM4,494	RM5,779
Pulau Pinang	RM6,502	RM8,267
Kelantan	RM3,614	RM4,885
Selangor	RM9,983	RM12,233
Terengganu	RM5,878	RM7,248
W.P. Kuala Lumpur	RM10,234	RM13,325
Pahang	RM4,753	RM5,777
W.P. Putrajaya	RM10,056	RM13,473
Negeri Sembilan	RM5,226	RM6,788
Melaka	RM6,210	RM8,057
Johor	RM6,879	RM8,517
W.P. Labuan	RM6,904	RM8,250
Sabah	RM4,577	RM6,171
Sarawak	RM4,978	RM6,457

PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR TERTINGGI MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

(RM)

Sepang, Selangor	12,608	13,673	Sepang, Selangor
Ulu Langat, Selangor	11,210	13,523	Gombak, Selangor
Gombak, Selangor	10,180	13,386	Ulu Langat, Selangor
Kuala Langat, Selangor	10,093	12,760	Petaling, Selangor
Petaling, Selangor	9,618	11,048	Kuala Langat, Selangor
Bintulu, Sarawak	8,567	10,278	Klang, Selangor
Johor Bahru, Johor	8,232	9,869	Johor Bahru, Johor
Klang, Selangor	8,203	9,645	Bintulu, Sarawak
Ulu Selangor, Selangor	7,678	9,410	Kuala Selangor, Selangor
Kuala Selangor, Selangor	7,644	9,254	Barat Daya, Pulau Pinang

PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR TERENDAH MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

(RM)

Pitas, Sabah	2,329	3,153	Kecil Lojing, Kelantan
Tebedu, Sarawak	2,579	3,218	Tebedu, Sarawak
Kecil Lojing, Kelantan	2,630	3,395	Pusa, Sarawak
Kanowit, Sarawak	2,648	3,406	Pitas, Sabah
Julau, Sarawak	2,652	3,477	Song, Sarawak
Kota Marudu, Sabah	2,677	3,509	Bukit Mabong, Sarawak
Kuala Krai, Kelantan	2,763	3,548	Julau, Sarawak
Tongod, Sabah	2,856	3,711	Kanowit, Sarawak
Kapit, Sarawak	2,902	3,735	Jeli, Kelantan
Jeli, Kelantan	2,906	3,799	Kuala Krai, Kelantan

Sumber: Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah 2022,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PENDAPATAN ISI RUMAH BOLEH GUNA MENGIKUT NEGERI



Pendapatan isi rumah boleh guna purata:

- ☐ Kurang daripada RM3,000
- ☐ RM3,000 – RM4,499
- ☐ RM4,500 – RM6,529
- ☐ RM6,530 – RM9,919
- ☐ RM9,920 dan ke atas

(mengikut pendapatan boleh guna kumpulan isi rumah kuintil)

MALAYSIA	RM5,413	RM7,111
Perlis	RM4,362	RM5,259
Kedah	RM3,821	RM4,815
Perak	RM3,804	RM4,920
Pulau Pinang	RM5,522	RM6,903
Kelantan	RM3,156	RM4,320
Selangor	RM8,187	RM10,008
Terengganu	RM5,224	RM6,433
W.P. Kuala Lumpur	RM8,259	RM10,540
Pahang	RM4,222	RM5,143
W.P. Putrajaya	RM8,869	RM11,277
Johor	RM5,889	RM7,251
Negeri Sembilan	RM4,472	RM5,701
Melaka	RM5,336	RM6,996
W.P. Labuan	RM5,580	RM6,643
Sabah	RM3,987	RM5,334
Sarawak	RM4,272	RM5,548

PENDAPATAN ISI RUMAH BOLEH GUNA MENGIKUT KELAS PENDAPATAN



Kurang daripada RM2,000	7.3	7.3
RM2,000 - RM2,999	15.2	12.7
RM3,000 - RM3,999	14.3	13.7
RM4,000 - RM4,999	12.0	12.0
RM5,000 - RM5,999	9.8	9.9
RM6,000 - RM6,999	7.9	7.9
RM7,000 - RM7,999	6.5	6.5
RM8,000 - RM8,999	5.1	5.6
RM9,000 - RM9,999	4.2	4.7
RM10,000 - RM10,999	3.3	3.8
RM11,000 - RM11,999	2.6	3.0
RM12,000 - RM12,999	2.1	2.4
RM13,000 - RM13,999	1.7	1.8
RM14,000 - RM14,999	1.4	1.4
RM15,000 dan ke atas	6.6	7.3

Kurang daripada RM5,000
2019 : 48.8% 2022 : 48.8%

RM5,000 – RM9,999
2019 : 33.5% 2022 : 34.6%

RM10,000 dan ke atas
2019 : 17.7% 2022 : 19.7%

Sumber: Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah 2022,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN PURATA



PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN PURATA MENGIKUT KUMPULAN ETNIK

C : RM,1552
I : RM1,098
M : RM1,107
B : RM844

C : RM3,738
I : RM2,896
M : RM2,606
B : RM2,038

C : RM7,666
I : RM6,246
M : RM6,141
B : RM5,548

C : RM9,895
I : RM8,216
M : RM7,901
B : RM7,093

2022



PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR PURATA BULANAN MENGIKUT STRATA

Sumber: Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah 2022,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN PENENGAH DAN PURATA, MALAYSIA



AGIHAN PENDAPATAN MENGIKUT KUMPULAN ETNIK



Sumber: Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah 2022,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

KOMPOSISI PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN PURATA MENGIKUT KUMPULAN UTAMA, 2022



PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN PURATA MENGIKUT NEGERI, 2022

W.P Putrajaya	RM8,987
W.P. Kuala Lumpur	RM7,823
Selangor	RM6,770
Melaka	RM5,707
Johor	RM5,342
Pulau Pinang	RM5,322
Terengganu	RM4,796
Negeri Sembilan	RM4,678
W.P Labuan	RM4,176
Pahang	RM4,107
Sarawak	RM3,915
Perak	RM3,903
Perlis	RM3,834
Kedah	RM3,765
Kelantan	RM3,505
Sabah	RM3,342

[1] **CAGR** : Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (2019-2022)

Nota : Perbelanjaan purata berdasarkan keseluruhan isi rumah

Sumber : Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2022,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

DUA SUBKUMPULAN TERTINGGI PERBELANJAAN BULANAN PURATA, 2022

01 Makanan & minuman

Ikan & makanan laut lain	RM198
Daging haiwan darat yang disembelih[2]	RM123

02 Minuman alkohol & tembakau

Tembakau	RM56
Bir	RM25

03 Pakaian & kasut

Pakaian	RM98
Kasut & lain-lain jenis alas kaki	RM26

04 Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain

Sewa	RM910
Elektrik	RM140

05 Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah

Perabot, kelengkapan & pemaidani	RM76
Barangan isi rumah tidak tahan lama	RM48

06 Kesihatan

Ubat-ubatan	RM59
Produk perubatan	RM36

07 Pengangkutan

Bahan api & pelincir untuk pengangkutan persendirian	RM305
Penyelenggaraan & pembaikan kelengkapan kenderaan persendirian	RM88

08 Maklumat & komunikasi

Perkhidmatan komunikasi mudah alih	RM134
Perkhidmatan telekomunikasi gabungan	RM48

09 Rekreasi, sukan & kebudayaan

Perkhidmatan kebudayaan	RM26
Pakej pelancongan	RM22

10 Perkhidmatan pendidikan

Pendidikan peringkat pra sekolah & sekolah rendah	RM35
Pendidikan yang tidak dikelaskan mengikut peringkat	RM13

11 Restoran & perkhidmatan penginapan

Restoran, kafe & seumpamanya	RM732
Kantin, kafeteria & dewan makan	RM58

12 Insurans & perkhidmatan kewangan

Perkhidmatan perantaraan kewangan diukur secara tidak langsung	RM72
Insurans berkaitan dengan pengangkutan	RM61

13 Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan

Lain-lain perkakas, artikel & produk untuk penjagaan diri	RM162
Lain-lain perkhidmatan	RM49

BARANGAN POPULAR MENGIKUT PERATUSAN TERTINGGI ISI RUMAH BERBELANJA, 2022

Sayur-sayuran segar



Ikan segar



Makanan di luar rumah



---

[2] Merujuk kepada nama subkumpulan “Haiwan daging & bahagian lain bagi haiwan darat yang disembelih”

Nota : Perbelanjaan purata berdasarkan keseluruhan isi rumah

Sumber : Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2022,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PENDAPATAN KASAR DAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN PURATA MENGIKUT KUMPULAN UTAMA, 1993-2022

KOMPOSISI PERBELANJAAN ISI RUMAH BULANAN MENGIKUT KUMPULAN EMPAT TERTINGGI

Dalam tempoh **29** tahun, peratus perbelanjaan isi rumah bagi **restoran dan perkhidmatan penginapan** meningkat **3.6** mata peratus

Peratus perbelanjaan isi rumah bagi **makanan dan minuman** menurun **7.5** mata peratus



KOMPOSISI PERBELANJAAN ISI RUMAH BULANAN MENGIKUT KEPERLUAN ASAS LAIN

Dalam tempoh **29** tahun, peratus perbelanjaan isi rumah bagi **maklumat dan komunikasi** meningkat **4.5** mata peratus

Peratus perbelanjaan isi rumah bagi **kesihatan** meningkat **0.9** mata peratus



KOMPOSISI PERBELANJAAN ISI RUMAH BULANAN MENGIKUT KEPERLUAN ASAS LAIN

Dalam tempoh **29** tahun, peratus perbelanjaan isi rumah bagi **rekreasi, sukan dan kebudayaan** menurun **1.6** mata peratus

Peratus perbelanjaan isi rumah bagi **insurans dan perkhidmatan kewangan** menurun **2.7** mata peratus



Sumber : Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2022,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PURATA PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) MENGIKUT NEGERI

Malaysia	RM2,589	RM2,208
Johor	RM2,627	RM2,505
Kedah	RM2,271	RM2,254
Kelantan	RM2,297	RM2,139
Melaka	RM2,670	RM2,375
Negeri Sembilan	RM2,402	RM2,088
Pahang	RM2,480	RM2,270
Pulau Pinang	RM2,250	RM1,989
Perak	RM2,297	RM2,077
Perlis	RM2,140	RM1,967
Selangor	RM2,830	RM2,022
Terengganu	RM2,751	RM2,507
Sabah	RM2,742	RM2,537
Sarawak	RM2,618	RM2,131
W.P. Labuan	RM2,576	RM2,633
W.P. Kuala Lumpur	RM2,816	RM2,216
W.P. Putrajaya	RM2,450	RM2,128

● 2019 ● 2022

PURATA PGK MAKANAN DAN BUKAN MAKANAN MENGIKUT NEGERI, 2022



Sumber: Laporan Kemiskinan di Malaysia 2022
Jabatan Perangkaan Malaysia

INSIDEN KEMISKINAN MUTLAK MENGIKUT STRATA, ETNIK & NEGERI

MALAYSIA
5.6 6.2

BANDAR
3.8 4.5

LUAR BANDAR
12.4 12.0

BUMIPUTERA
7.2 7.9

CINA
1.4 1.9

INDIA
4.8 5.4



◆ 2019 (%) ◆ 2022 (%)

INSIDEN KEMISKINAN TEGAR MENGIKUT NEGERI, STRATA & ETNIK



MALAYSIA
0.4 0.2

BANDAR
0.2 0.1

LUAR BANDAR
0.9 0.7

BUMIPUTERA
0.5 0.3

CINA
0.1 0.0

INDIA
0.4 0.1

◆ 2019 (%) ◆ 2022 (%)

Nota:
- 0.0 kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan. Misalnya, kurang daripada 0.05 peratus

INSIDEN KEMISKINAN RELATIF MENGIKUT STRATA, ETNIK & NEGERI

MALAYSIA
16.9 16.6

BANDAR
12.8 11.9

LUAR BANDAR
33.2 33.3

BUMIPUTERA
18.8 18.6

CINA
12.3 12.1

INDIA
15.4 13.7



◆ 2019 (%) ◆ 2022 (%)

Nota:
- Kemiskinan relatif bagi strata dan etnik adalah mengikut had pendapatan nasional
- Kemiskinan relatif bagi negeri adalah mengikut had pendapatan negeri

Sumber: Laporan Kemiskinan di Malaysia 2022
Jabatan Perangkaan Malaysia

PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR MENGIKUT NEGERI, MALAYSIA

🟦 Penengah 🟧 Purata

MALAYSIA
RM6,338
RM8,479

Johor	RM6,879	RM8,517
Kedah	RM4,402	RM5,550
Kelantan	RM3,614	RM4,885
Melaka	RM6,210	RM8,057
Negeri Sembilan	RM5,226	RM6,788
Pahang	RM4,753	RM5,777
Pulau Pinang	RM6,502	RM8,267
Perak	RM4,494	RM5,779
Perlis	RM4,713	RM5,664
Selangor	RM9,983	RM12,233
Terengganu	RM5,878	RM7,248
Sabah	RM4,577	RM6,171
Sarawak	RM4,978	RM6,457
W.P. Kuala Lumpur	RM10,234	RM13,325
W.P. Labuan	RM6,904	RM8,250
W.P. Putrajaya	RM10,056	RM13,473

PENDAPATAN ISI RUMAH BOLEH GUNA MENGIKUT NEGERI, MALAYSIA

🟦 Penengah 🟧 Purata

MALAYSIA
RM5,413
RM7,111

Johor	RM5,889	RM7,251
Kedah	RM3,821	RM4,815
Kelantan	RM3,156	RM4,320
Melaka	RM5,336	RM6,996
Negeri Sembilan	RM4,472	RM5,701
Pahang	RM4,222	RM5,143
Pulau Pinang	RM5,522	RM6,903
Perak	RM3,804	RM4,920
Perlis	RM4,362	RM5,259
Selangor	RM8,187	RM10,008
Terengganu	RM5,224	RM6,433
Sabah	RM3,987	RM5,334
Sarawak	RM4,272	RM5,548
W.P. Kuala Lumpur	RM8,259	RM10,540
W.P. Labuan	RM5,580	RM6,643
W.P. Putrajaya	RM8,869	RM11,277

PEKALI GINI MENGIKUT NEGERI, MALAYSIA



🟧 Pendapatan Kasar
🟨 Pendapatan Kasar per Kapita
🟩 Pendapatan Boleh Guna
🟩 Pendapatan Boleh Guna per Kapita

01	Johor	0.367	0.364	0.399	0.394
02	Kedah	0.359	0.361	0.361	0.364
03	Kelantan	0.385	0.393	0.351	0.358
04	Melaka	0.370	0.368	0.363	0.362
05	Negeri Sembilan	0.369	0.356	0.347	0.344
06	Pahang	0.308	0.305	0.321	0.323
07	Pulau Pinang	0.371	0.357	0.373	0.363
08	Perak	0.368	0.393	0.354	0.358
09	Perlis	0.336	0.336	0.321	0.323
10	Selangor	0.361	0.352	0.393	0.382
11	Terengganu	0.326	0.322	0.358	0.358
12	Sabah	0.395	0.387	0.460	0.444
13	Sarawak	0.382	0.379	0.406	0.398
14	W.P. Kuala Lumpur	0.380	0.369	0.402	0.390
15	W.P. Labuan	0.300	0.300	0.365	0.356
16	W.P. Putrajaya	0.368	0.346	0.392	0.377

PEKALI GINI MENGIKUT STRATA

MALAYSIA	BANDAR	LUAR BANDAR
0.404	0.393	0.351
0.429	0.418	0.361
0.393	0.382	0.353
0.417	0.406	0.365

🟪 Pendapatan Kasar
🟥 Pendapatan Kasar per Kapita
🟩 Pendapatan Boleh Guna
🟦 Pendapatan Boleh Guna per Kapita

PEKALI GINI MENGIKUT ETNIK

	BUMIPUTERA	CINA	INDIA
Pendapatan Kasar	0.387	0.412	0.406
Pendapatan Kasar per Kapita	0.406	0.414	0.431
Pendapatan Boleh Guna	0.379	0.398	0.396
Pendapatan Boleh Guna per Kapita	0.397	0.399	0.419

PEKALI GINI DAN PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR PURATA DAN PENENGAH DI MALAYSIA



JURANG PENDAPATAN

Jurang pendapatan etnik **Cina** kepada etnik lain



Strata	2019		2022	
	Purata Pendapatan Kasar	Jurang	Purata Pendapatan Kasar	Jurang
Bandar	RM8,635	1.00	RM9,428	1.00
Luar Bandar	RM5,004	0.58	RM5,147	0.55

CONTENTS

LIST OF CHARTS

LIST OF CHARTS

CHART

LIST OF TABLES

TABLE

LIST OF TABLES

TABLE

TABLE

LIST OF EXHIBITS

EXHIBIT

SECTION 1

STATISTICS ON HOUSEHOLD INCOME

2022

HIGHLIGHTS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

A. INTRODUCTION

The COVID-19 pandemic has significantly affected household income, both in urban and rural areas. Based on the Household Income Estimates and Incidence of Poverty Report 2020, the mean of monthly household gross income recorded a decrease of 10.3 per cent to RM7,089 (2019: RM7,901) while the median of monthly household gross income recorded a decrease of 11.3 per cent to RM5,209 (2019: RM5,873). Paid employment and self-employment which were the main sources of household income also recorded a decrease, respectively. In 2020, the mean income of paid employment decreased 16.1 per cent to RM4,088 (2019: RM4,870) while the mean income from self-employment recorded a decrease of 9.7 per cent to RM1,232 (2019: RM1,364). This decline was contributed by households or individuals who have experienced job loss or reduction of income due to lesser working hours and increase in skill-related underemployment.

All economic and social activities resume as normal starting 2022. Various policy supports are provided to restart socioeconomic activities at all levels, including households. Among them, the government has approved the implementation of a new minimum wage that was enforced on 1st May 2022 with a monthly wage rate of RM1,500 for all sectors. However, employers with fewer than five (5) employees were allowed to defer the implementation of the minimum wage until 1st July 2023.

The effect of the increment in the minimum wage has contributed to an increase in the mean income among workers and is expected to increase the purchasing power of consumers. It is also in line with the goal of achieving the monthly median salaries and wages target of RM2,900 by 2025 as outlined in the Twelfth Malaysia Plan (Twelfth Plan).

B. SURVEY BACKGROUND

